

**D.R. 4/2010**

**RANG UNDANG-UNDANG PERDAGANGAN  
STRATEGIK 2010**

---

**SUSUSAN FASAL**

---

**BAHAGIAN I**

**PERMULAAN**

Fasal

1. Tajuk ringkas dan permulaan kuat kuasa
2. Tafsiran
3. Undang-undang yang terpakai
4. Pemakaian luar wilayah

**BAHAGIAN II**

**PELANTIKAN DAN KUASA PENGAWAL PERDAGANGAN STRATEGIK**

5. Pelantikan Pengawal, dsb.
6. Fungsi dan kuasa Pengawal

**BAHAGIAN III**

**KAWALAN BARANG STRATEGIK, BARANG TIDAK TERSENARAI  
DAN AKTIVITI TERHAD**

7. Barang strategik
8. Pengguna akhir terhad dan terlarang
9. Eksport, pemindahan dan transit barang strategik dan barang tidak tersenarai
10. Pemberian bantuan teknikal
11. Pembrokeran barang strategik
12. Transaksi yang melibatkan barang tidak tersenarai dan aktiviti terhad

*Rang Undang-Undang*

## BAHAGIAN IV

## PERMIT DAN PENDAFTARAN

## Fasal

13. Pemakaian Akta bagi permit dan pendaftaran
14. Permohonan bagi permit
15. Dokumen atau maklumat tambahan
16. Pemberian atau penolakan permit
17. Penggantungan dan pembatalan permit
18. Penggunaan permit tanpa kebenaran
19. Pendaftaran broker
20. Hilang kelayakan kerana kesalahan
21. Penggantungan permit atau pendaftaran apabila hilang kelayakan
22. Permohonan untuk menghapuskan hilang kelayakan
23. Pengendorsan pada permit
24. Penyenggaraan dokumen dan daftar
25. Daftar

## BAHAGIAN V

## PENGUATKUASAAN

26. Pemakaian Akta bagi penguatkuasaan
27. Pengemukaan kad kuasa
28. Kuasa pegawai diberi kuasa
29. Kuasa penyiasatan
30. Penggeledahan dan penyitaan tanpa waran
31. Akses ke tempat atau premis
32. Capaian kepada data berkomputer
33. Kuasa menggeledah pengangkutan
34. Penggunaan kekerasan
35. Senarai barang yang disita
36. Kuasa penangkapan
37. Pemintasan komunikasi
38. Kuasa untuk menghendaki kehadiran orang yang mengetahui mengenai kes
39. Pemeriksaan orang yang mengetahui mengenai kes
40. Kesalahan berkenaan dengan maklumat

Fasal

41. Pelupusan barang strategik dan barang tidak tersenarai yang disita
42. Kebolehterimaan keterangan
43. Pelucuthakan barang strategik dan barang tidak tersenarai apabila tiada pendakwaan
44. Kos memegang barang strategik dan barang tidak tersenarai yang disita
45. Tiada kos atau ganti rugi yang berbangkit daripada penyitaan boleh didapatkan
46. Halangan pegawai diberi kuasa

## BAHAGIAN VI

AM

47. Pengecualian
48. Pemulaan pendakwaan
49. Kesalahan oleh pertubuhan perbadanan
50. Kesalahan oleh pekerja atau ejen
51. Notis bagi penzahiran maklumat
52. Maklumat adalah dilindungi dan rahsia
53. Perlindungan pegawai
54. Perlindungan Kerajaan, dsb. daripada liabiliti
55. Peraturan-peraturan
56. Pindaan Jadual
57. Kecualian dan peralihan

JADUAL



## RANG UNDANG-UNDANG

*b e r n a m a*

Suatu Akta untuk mengadakan peruntukan mengenai kawalan ke atas eksport, pemindahan, transit dan pembrokeran barang strategik, termasuk senjata dan bahan yang berkaitan, dan aktiviti lain yang akan atau boleh memudahkan reka bentuk, pemajuan dan penghasilan senjata pemusnah besar-besaran dan sistem penghantarannya dan untuk membuat peruntukan bagi perkara lain yang berkaitan dengannya, selaras dengan keselamatan negara dan obligasi antarabangsa Malaysia.

[ ]

**DIPERBUAT** oleh Parlimen Malaysia seperti yang berikut:

## BAHAGIAN I

## PERMULAAN

**Tajuk ringkas dan permulaan kuat kuasa**

1. (1) Akta ini bolehlah dinamakan Akta Perdagangan Strategik 2010.

(2) Akta ini mula berkuat kuasa pada tarikh yang ditetapkan oleh Menteri melalui pemberitahuan dalam *Warta*, dan Menteri boleh menetapkan tarikh yang berlainan bagi peruntukan yang berlainan Akta ini.

**Tafsiran**

2. Dalam Akta ini, melainkan jika konteksnya menghendaki makna yang lain—

“agen biologi” ertinya apa-apa mikrobial, organisma mikro, virus atau bahan berjangkit yang diterbitkan daripadanya secara semula jadi atau buatan, serta komponennya dan walau apa jua pun asalnya atau kaedah penghasilannya;

“aktiviti terhad” ertinya—

- (a) apa-apa aktiviti yang menyokong pemajuan, penghasilan, pengendalian, penggunaan, penyenggaraan, penyimpanan, inventori atau percambahan apa-apa senjata pemusnah besar-besaran dan sistem penghantarannya; atau
- (b) penyertaan dalam transaksi dengan orang yang terlibat dalam aktiviti sedemikian;

“bantuan teknikal” termasuklah arahan, kemahiran, latihan, pemberian pengetahuan kerja dan perkhidmatan perunding dan boleh melibatkan pemindahan data teknikal;

“barang” termasuklah barangan dan teknologi;

“barang strategik” ertinya apa-apa barang yang ditetapkan sebagai barang strategik di bawah seksyen 7;

“barang tidak tersenarai” ertinya barang yang boleh digunakan dalam aktiviti terhad tetapi yang tidak ditetapkan sebagai barang strategik di bawah seksyen 7;

“data teknikal” termasuklah rangka tindakan, pelan, diagram, model, formula, jadual, reka bentuk dan spesifikasi kejuruteraan, manual dan arahan dalam format cetakan atau elektronik;

“eksport” ertinya—

- (a) untuk membawa atau menyebabkan dibawa keluar dari Malaysia apa-apa barang melalui darat, laut atau udara, atau untuk meletakkan apa-apa barang dalam sesuatu pengangkutan bagi maksud barang sedemikian dibawa keluar dari Malaysia melalui darat, laut atau udara; atau

- (b) untuk menghantar teknologi melalui apa-apa cara ke suatu destinasi di luar Malaysia, dan termasuklah apa-apa penghantaran teknologi secara lisan atau visual menerusi suatu peranti komunikasi jika teknologi itu terkandung dalam suatu dokumen yang bahagian relevannya dibacakan, diperihalkan atau selainnya dipaparkan menerusi peranti komunikasi itu mengikut cara yang mencapai kesan yang serupa;

“membawa dalam transit” ertinya membawa barang dari mana-mana negara ke dalam Malaysia melalui darat, laut atau udara, di mana barang itu akan dibawa keluar dari Malaysia atas pengangkutan yang sama dengan pengangkutan yang membawa barang itu ke dalam Malaysia atau apa-apa pengangkutan lain dan sama ada atau tidak barang itu didaratkan atau dipindahkan di Malaysia, tetapi tidak termasuk perjalanan pengangkutan asing yang membawa apa-apa barang menerusi Malaysia mengikut undang-undang antarabangsa;

“memindahkan” ertinya untuk mengalihkan barang dari pengangkutan yang membawa masuk barang itu ke Malaysia dan untuk meletakkan barang itu atas pengangkutan yang sama atau yang lain bagi maksud membawanya keluar dari Malaysia yang perbuatan ini dijalankan berdasarkan bil muatan kapal langsung, bil muatan pesawat udara langsung atau manifes langsung;

“menghantar”, berhubung dengan teknologi strategik, ertinya—

- (a) menghantar teknologi itu di Malaysia melalui cara elektronik; atau
- (b) menyediakan teknologi itu di Malaysia atas suatu peranti,

supaya teknologi strategik itu boleh dicapai oleh mana-mana orang, sama ada di dalam atau di luar Malaysia;

“Menteri” ertinya Menteri yang dipertanggungjawabkan dengan tanggungjawab bagi perdagangan antarabangsa dan industri;

“pegawai diberi kuasa” termasuklah—

- (a) pegawai kastam;
- (b) pegawai polis;

- (c) pegawai Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia;
- (d) pegawai Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia;
- (e) mana-mana pegawai lain yang dinyatakan oleh Pengawal;

“pembrokeran” ertinya aktiviti seseorang yang, sama ada bagi pihaknya sendiri atau dengan bertindak sebagai ejen bagi pihak orang yang lain—

- (a) merundingkan, mengaturkan atau memudahkan pembelian, pembiayaan, pengangkutan, penjualan atau pembekalan barang; atau
- (b) membeli, menjual atau membekalkan barang sedemikian;

“pemunya”, berhubung dengan—

- (a) barang strategik atau barang tidak tersenarai, termasuklah mana-mana orang yang merupakan atau yang mengemukakan dirinya sebagai pemunya, pengimport, pengeksport, penerima konsain, ejen atau orang yang memiliki, atau yang mempunyai kepentingan benefisial mengenai, atau yang mempunyai kawalan ke atas, atau kuasa pelupusan atas, barang strategik atau barang tidak tersenarai itu; dan
- (b) sesuatu pengangkutan, termasuklah tiap-tiap orang yang bertindak sebagai ejen bagi pemunya atau yang menerima tambang muatan atau caj lain yang kena dibayar berkenaan dengan pengangkutan itu;

“pengangkutan” termasuklah apa-apa kapal, kereta api, kenderaan, pesawat udara dan apa-apa cara pembawaan lain yang dengannya orang atau barang boleh dibawa;

“Pengawal” ertinya Pengawal Perdagangan Strategik yang dilantik di bawah seksyen 5, dan termasuklah Timbalan Pengawal Perdagangan Strategik;

“peranti” ertinya apa-apa medium yang dalamnya maklumat, imej visual, bunyi atau data lain direkodkan, disimpan atau dikandungkan dalam apa-apa bentuk supaya dapat (dengan atau tanpa bantuan kelengkapan lain) didapatkan semula atau dihasilkan daripadanya;



“perisian” ertinya koleksi satu program atau program mikro atau lebih yang direkodkan, disimpan atau dikandungkan dalam apa-apa peranti;

“permit” ertinya permit yang dikeluarkan di bawah Akta ini, dan termasuklah suatu permit khas;

“Pihak Berkuasa yang berkenaan” ertinya Pihak Berkuasa yang ditetapkan di bawah undang-undang yang berkaitan bagi pengawalseliaan barang strategik, barang tidak tersenarai dan aktiviti terhad, dan termasuklah Pengawal;

“senjata biologi” ertinya apa-apa mikrobial atau agen biologi lain atau toksin walau apa jua pun asalnya atau kaedah penghasilannya, daripada jenis dan dalam kuantiti yang tidak dapat dijustifikasikan bagi maksud profilaktik, perlindungan atau keamanan yang lain, dan senjata, kelengkapan atau cara penghantaran yang direka untuk menggunakan agen biologi atau toksin bagi maksud permusuhan atau dalam konflik bersenjata;

“senjata kimia” mempunyai erti yang sama yang diberikan kepadanya di bawah Akta Konvensyen Senjata Kimia 2005 [*Akta 641*];

“senjata nuklear” ertinya apa-apa peranti yang berupaya membebaskan tenaga nuklear dengan cara yang tidak terkawal dan yang mempunyai kelompok ciri yang sesuai untuk penggunaan bagi maksud perang, tetapi tidak termasuk sistem penghantaran jika sistem penghantaran itu boleh diasingkan daripada peranti itu;

“senjata pemusnah besar-besaran” ertinya apa-apa senjata yang direka bentuk untuk membunuh, mencederakan atau menjangkiti orang, haiwan atau tumbuh-tumbuhan menerusi kesan letupan atau penyebaran nuklear atau sifat toksik senjata kimia atau sifat berjangkit atau toksik senjata biologi, dan termasuklah sistem penghantaran yang direka bentuk, disesuaikan atau diniatkan untuk penggunaan senjata sedemikian;

“teknologi” ertinya maklumat dan data dalam apa-apa bentuk bagi perekaan bentuk, pemajuan, penghasilan atau penggunaan barang yang lain dan termasuklah data teknikal, bantuan teknikal dan perisian;

“teknologi strategik” ertinya teknologi yang ditetapkan sebagai barang strategik di bawah seksyen 7;

“toksin” ertinya apa-apa bahan beracun, walau apa jua pun asalnya atau kaedah penghasilannya, yang dihasilkan oleh suatu organisma hidup atau yang disintesis secara buatan yang boleh menyebabkan penyakit, kecederaan atau kematian;

“undang-undang yang berkaitan” ertinya undang-undang bertulis yang dinyatakan dalam Jadual.

### **Undang-undang yang terpakai**

3. (1) Peruntukan Akta ini hendaklah menjadi tambahan kepada, dan tidak mengurangkan, peruntukan mana-mana undang-undang bertulis lain, termasuk undang-undang yang berkaitan, yang berhubungan dengan pencegahan percambahan senjata pemusnah besar-besaran dan sistem penghantarannya.

(2) Sekiranya terdapat apa-apa percanggahan atau ketidakselarasan antara peruntukan Akta ini dengan peruntukan mana-mana undang-undang bertulis lain, termasuk undang-undang yang berkaitan, peruntukan Akta ini hendaklah terpakai dan peruntukan mana-mana undang-undang bertulis lain yang bercanggah atau tidak selaras itu hendaklah, setakat percanggahan atau ketidakselarasan itu, disifatkan digantikan.

### **Pemakaian luar wilayah**

4. (1) Akta ini hendaklah, berhubungan dengan mana-mana orang, walau apa pun kerakyatan atau kewarganegaraannya, mempunyai kuat kuasa di luar dan juga di dalam Malaysia, dan jika suatu kesalahan di bawah Akta ini dilakukan oleh mana-mana orang di mana-mana tempat di luar Malaysia, dia boleh diuruskan berkenaan dengan kesalahan sedemikian seolah-olah kesalahan itu telah dilakukan di mana-mana tempat dalam Malaysia.

(2) Bagi maksud subseksyen (1) dan berhubungan dengan penghantaran teknologi strategik, Akta ini hendaklah terpakai jika, bagi kesalahan yang berkenaan, penghantaran teknologi strategik itu menggunakan apa-apa kelengkapan atau peranti yang terletak di Malaysia atau disalurkan menerusi apa-apa kelengkapan atau peranti yang terletak di Malaysia.

BAHAGIAN II

PELANTIKAN DAN KUASA PENGAWAL PERDAGANGAN STRATEGIK

**Pelantikan Pengawal, dsb.**

5. (1) Menteri boleh melantik, dari kalangan pegawai awam, seorang Pengawal Perdagangan Strategik dan seorang Timbalan Pengawal Perdagangan Strategik.

(2) Pengawal hendaklah melaksanakan fungsi dan kewajipan yang dikenakan dan menjalankan kuasa yang diberikan kepadanya di bawah Akta ini.

(3) Timbalan Pengawal Perdagangan Strategik boleh melaksanakan segala fungsi dan kewajipan yang dikenakan dan menjalankan segala kuasa yang diberikan kepada Pengawal di bawah Akta ini.

(4) Pengawal boleh melantik mana-mana pegawai awam dan mana-mana pegawai lain yang perlu untuk membantunya dalam melaksanakan fungsinya di bawah Akta ini.

(5) Pengawal hendaklah mempunyai arahan dan kawalan am ke atas Timbalan Pengawal Perdagangan Strategik dan pegawai yang dilantik di bawah subseksyen (4).

**Fungsi dan kuasa Pengawal**

6. (1) Pengawal hendaklah, berhubung dengan barang strategik, barang tidak tersenarai dan aktiviti terhad, mempunyai fungsi yang berikut:

- (a) menguruskan barang strategik, barang tidak tersenarai dan aktiviti terhad di bawah Akta ini, termasuk mengeluarkan permit dan mendaftarkan broker setakat yang ia tidak selainnya diperuntukkan di bawah undang-undang yang berkaitan;
- (b) mengeluarkan garis panduan untuk menguruskan permohonan bagi permit dan pendaftaran;
- (c) mengeluarkan garis panduan untuk menguruskan permohonan bagi mengeksport barang tidak tersenarai;

- (d) mengeluarkan arahan atau garis panduan mengenai pelaksanaan proses penapisan eksport;
- (e) mengeluarkan senarai yang menetapkan orang yang tidak boleh dikeluarkan permit dan orang yang tidak boleh didaftarkan sebagai broker;
- (f) mendapatkan bantuan daripada mana-mana kerajaan, organisasi antarabangsa atau orang dalam melaksanakan Akta ini;
- (g) membuat apa-apa yang bersampingan atau bersesuaian dengan pelaksanaan mana-mana fungsi yang disebut dalam perenggan (a) hingga (f).

(2) Pengawal hendaklah mempunyai segala kuasa yang diperlukan bagi, atau yang berkaitan dengan, atau yang dengan munasabahnya bersampingan dengan, pelaksanaan fungsinya di bawah Akta ini.

(3) Pengawal hendaklah mempunyai arahan dan kawalan am ke atas pegawai diberi kuasa bagi maksud mengawal selia barang strategik, barang tidak tersenarai dan aktiviti terhad di bawah Akta ini.

### BAHAGIAN III

#### KAWALAN BARANG STRATEGIK, BARANG TIDAK TERSENARAI DAN AKTIVITI TERHAD

#### **Barang strategik**

7. (1) Menteri boleh, melalui perintah yang disiarkan dalam *Warta*, menetapkan apa-apa barang sebagai barang strategik bagi maksud Akta ini.

(2) Jika apa-apa persoalan berbangkit tentang sama ada apa-apa barang adalah atau tidak termasuk dalam kelas barang yang dinyatakan dalam perintah yang dibuat di bawah subseksyen (1), persoalan itu hendaklah diputuskan oleh Pengawal.

### **Pengguna akhir terhad dan terlarang**

8. (1) Menteri boleh menetapkan seseorang pengguna akhir sebagai pengguna akhir terhad yang baginya permit khas dikehendaki di bawah Akta ini.

(2) Menteri boleh menetapkan seseorang pengguna akhir sebagai pengguna akhir terlarang yang kepadanya segala eksport, pemindahan atau transit barang strategik atau barang tidak tersenarai di bawah Akta ini adalah dilarang.

(3) Senarai pengguna akhir terhad dan pengguna akhir terlarang hendaklah disiarkan melalui perintah dalam *Warta*, dan Menteri boleh meminda senarai itu dari semasa ke semasa.

### **Eksport, pemindahan dan transit barang strategik dan barang tidak tersenarai**

9. (1) Tiada seorang pun boleh mengeksport, memindahkan atau membawa dalam transit barang strategik melainkan jika orang itu mendapatkan permit yang dikeluarkan di bawah Akta ini.

(2) Tiada seorang pun boleh mengeksport, memindahkan atau membawa dalam transit barang strategik atau barang tidak tersenarai kepada pengguna akhir terhad yang dinyatakan dalam subseksyen 8(1) melainkan jika orang itu mendapatkan permit khas yang dikeluarkan di bawah Akta ini.

(3) Tiada seorang pun boleh mengeksport, memindahkan atau membawa dalam transit barang strategik atau barang tidak tersenarai kepada pengguna akhir terlarang yang dinyatakan dalam subseksyen 8(2).

(4) Seseorang yang melanggar subseksyen (1) melakukan suatu kesalahan dan hendaklah, apabila disabitkan—

(a) berhubung dengan barang strategik yang merupakan senjata atau bahan yang berkaitan—

(i) jika perbuatan itu dilakukan dengan niat untuk mengeksport, memindahkan atau membawa dalam transit barang strategik itu tanpa permit dengan menyalahi undang-undang atau dengan

pengetahuan bahawa pengeksporan, pemindahan atau pembawaan dalam transit barang strategik itu tanpa permit menyalahi undang-undang—

- (A) jika kematian adalah hasil perbuatan itu, dihukum dengan hukuman mati atau pemenjaraan selama hayat, dan dalam hal suatu pertubuhan perbadanan, dihukum dengan denda minimum sebanyak tiga puluh juta ringgit; atau
  - (B) dalam apa-apa hal lain, dihukum dengan pemenjaraan selama tempoh tidak kurang daripada sepuluh tahun atau dengan denda tidak kurang daripada sepuluh juta ringgit atau dengan kedua-duanya, dan dalam hal suatu pertubuhan perbadanan, dihukum dengan denda minimum sebanyak dua puluh juta ringgit; atau
- (ii) jika perbuatan itu dilakukan tanpa niat untuk mengeksport, memindahkan atau membawa dalam transit barang strategik itu tanpa permit dengan menyalahi undang-undang atau tanpa pengetahuan bahawa pengeksporan, pemindahan atau pembawaan dalam transit barang strategik itu tanpa permit menyalahi undang-undang, dihukum dengan pemenjaraan selama tempoh tidak kurang daripada lima tahun atau dengan denda tidak kurang daripada lima juta ringgit atau dengan kedua-duanya, dan dalam hal suatu pertubuhan perbadanan, dihukum dengan denda minimum sebanyak sepuluh juta ringgit; dan
- (b) berhubung dengan barang strategik selain senjata atau bahan yang berkaitan—
- (i) jika perbuatan itu dilakukan dengan niat untuk mengeksport, memindahkan atau membawa dalam transit barang strategik itu tanpa permit dengan menyalahi undang-undang atau dengan pengetahuan bahawa pengeksporan, pemindahan atau pembawaan dalam transit barang strategik itu tanpa permit menyalahi undang-undang, dihukum dengan pemenjaraan selama tempoh tidak kurang daripada sepuluh tahun atau dengan denda tidak

kurang daripada sepuluh juta ringgit atau dengan kedua-duanya, dan dalam hal suatu pertubuhan perbadanan, dihukum dengan denda minimum sebanyak dua puluh juta ringgit; atau

- (ii) jika perbuatan itu dilakukan tanpa niat untuk mengeksport, memindahkan atau membawa dalam transit barang strategik itu tanpa permit dengan menyalahi undang-undang atau tanpa pengetahuan bahawa pengeksportan, pemindahan atau pembawaan dalam transit barang strategik itu tanpa permit menyalahi undang-undang, dihukum dengan pemenjaraan selama tempoh tidak kurang daripada lima tahun atau dengan denda tidak kurang daripada lima juta ringgit atau dengan kedua-duanya, dan dalam hal suatu pertubuhan perbadanan, dihukum dengan denda minimum sebanyak sepuluh juta ringgit.

(5) Seseorang yang melanggar subseksyen (2) melakukan suatu kesalahan dan hendaklah, apabila disabitkan—

- (a) berhubung dengan barang strategik atau barang tidak tersenarai yang merupakan senjata atau bahan yang berkaitan—

- (i) jika perbuatan itu dilakukan dengan niat untuk mengeksport, memindahkan atau membawa dalam transit barang itu tanpa permit khas dengan menyalahi undang-undang atau dengan pengetahuan bahawa pengeksportan, pemindahan atau pembawaan dalam transit barang itu tanpa permit khas menyalahi undang-undang—

- (A) jika kematian adalah hasil perbuatan itu, dihukum dengan hukuman mati atau pemenjaraan selama hayat, dan dalam hal suatu pertubuhan perbadanan, dihukum dengan denda minimum sebanyak tiga puluh juta ringgit; atau

- (B) dalam apa-apa hal lain, dihukum dengan pemenjaraan selama tempoh tidak kurang daripada sepuluh tahun atau dengan denda tidak kurang daripada sepuluh juta ringgit

atau dengan kedua-duanya, dan dalam hal suatu pertubuhan perbadanan, dihukum dengan denda minimum sebanyak dua puluh juta ringgit; atau

- (ii) jika perbuatan itu dilakukan tanpa niat untuk mengeksport, memindahkan atau membawa dalam transit barang itu tanpa permit khas dengan menyalahi undang-undang atau tanpa pengetahuan bahawa pengeksporan, pemindahan atau pembawaan dalam transit barang itu tanpa permit khas menyalahi undang-undang, dihukum dengan pemenjaraan selama tempoh tidak kurang daripada lima tahun atau dengan denda tidak kurang daripada lima juta ringgit atau dengan kedua-duanya, dan dalam hal suatu pertubuhan perbadanan, dihukum dengan denda minimum sebanyak sepuluh juta ringgit; dan

(b) berhubung dengan barang strategik dan barang tidak tersenarai selain senjata atau bahan yang berkaitan—

- (i) jika perbuatan itu dilakukan dengan niat untuk mengeksport, memindahkan atau membawa dalam transit barang itu tanpa permit khas dengan menyalahi undang-undang atau dengan pengetahuan bahawa pengeksporan, pemindahan atau pembawaan dalam transit barang itu tanpa permit khas menyalahi undang-undang, dihukum dengan pemenjaraan selama tempoh tidak kurang daripada sepuluh tahun atau dengan denda tidak kurang daripada sepuluh juta ringgit atau dengan kedua-duanya, dan dalam suatu hal pertubuhan perbadanan, dihukum dengan denda minimum sebanyak dua puluh juta ringgit; atau
- (ii) jika perbuatan itu dilakukan tanpa niat untuk mengeksport, memindahkan atau membawa dalam transit barang itu tanpa permit khas dengan menyalahi undang-undang atau tanpa pengetahuan bahawa pengeksporan, pemindahan atau pembawaan dalam transit barang itu tanpa permit khas menyalahi undang-undang, dihukum dengan pemenjaraan selama tempoh tidak kurang daripada lima tahun atau dengan denda tidak



kurang daripada lima juta ringgit atau dengan kedua-duanya, dan dalam hal suatu pertubuhan perbadanan, dihukum dengan denda minimum sebanyak sepuluh juta ringgit.

(6) Seseorang yang melanggar subseksyen (3) melakukan suatu kesalahan dan hendaklah, apabila disabitkan—

(a) berhubung dengan barang strategik atau barang tidak tersenarai yang merupakan senjata atau bahan yang berkaitan—

(i) jika perbuatan itu dilakukan dengan niat untuk mengeksport, memindahkan atau membawa dalam transit barang itu dengan menyalahi undang-undang atau dengan pengetahuan bahawa pengeksportan, pemindahan atau pembawaan dalam transit barang itu menyalahi undang-undang—

(A) jika kematian adalah hasil perbuatan itu, dihukum dengan hukuman mati atau pemenjaraan selama hayat, dan dalam hal suatu pertubuhan perbadanan, dihukum dengan denda minimum sebanyak tiga puluh juta ringgit; atau

(B) dalam apa-apa hal lain, dihukum dengan pemenjaraan selama tempoh tidak kurang daripada sepuluh tahun atau dengan denda tidak kurang daripada sepuluh juta ringgit atau dengan kedua-duanya, dan dalam hal suatu pertubuhan perbadanan, dihukum dengan denda minimum sebanyak dua puluh juta ringgit; atau

(ii) jika perbuatan itu dilakukan tanpa niat untuk mengeksport, memindahkan atau membawa dalam transit barang itu dengan menyalahi undang-undang atau tanpa pengetahuan bahawa pengeksportan, pemindahan atau pembawaan dalam transit barang itu menyalahi undang-undang, dihukum dengan pemenjaraan selama tempoh tidak kurang daripada lima tahun atau dengan denda tidak kurang daripada lima juta ringgit atau dengan kedua-duanya, dan dalam hal suatu pertubuhan perbadanan, dihukum dengan denda minimum sebanyak sepuluh juta ringgit; dan

(b) berhubung dengan barang strategik dan barang tidak tersenarai selain senjata atau bahan yang berkaitan—

(i) jika perbuatan itu dilakukan dengan niat untuk mengeksport, memindahkan atau membawa dalam transit barang itu dengan menyalahi undang-undang atau dengan pengetahuan bahawa pengeksportan, pemindahan atau pembawaan dalam transit barang itu menyalahi undang-undang, dihukum dengan pemenjaraan selama tempoh tidak kurang daripada sepuluh tahun atau dengan denda tidak kurang daripada sepuluh juta ringgit atau dengan kedua-duanya, dan dalam hal suatu pertubuhan perbadanan, dihukum dengan denda minimum sebanyak dua puluh juta ringgit; atau

(ii) jika perbuatan itu dilakukan tanpa niat untuk mengeksport, memindahkan atau membawa dalam transit barang itu dengan menyalahi undang-undang atau tanpa pengetahuan bahawa pengeksportan, pemindahan atau pembawaan dalam transit barang itu menyalahi undang-undang, dihukum dengan pemenjaraan selama tempoh tidak kurang daripada lima tahun atau dengan denda tidak kurang daripada lima juta ringgit atau dengan kedua-duanya, dan dalam hal suatu pertubuhan perbadanan, dihukum dengan denda minimum sebanyak sepuluh juta ringgit.

(7) Seksyen ini tidak terpakai bagi pengeksportan mana-mana dokumen yang di dalamnya apa-apa teknologi strategik direkodkan, disimpan atau dikandungkan, atau bagi penghantaran teknologi strategik sedemikian, setakat yang pengeksportan atau penghantaran itu perlu untuk memudahkan—

(a) pemasangan, pengendalian, penyenggaraan atau pembaikan apa-apa barang yang telah dieksport;

(b) permohonan bagi paten; atau

(c) penyelidikan dalam teknologi strategik sedemikian, yang hasilnya tidak mempunyai penggunaan yang praktik.

### **Pemberian bantuan teknikal**

**10.** (1) Tiada seorang pun boleh memberikan apa-apa bantuan teknikal di dalam atau di luar Malaysia jika bantuan teknikal sedemikian diniatkan untuk digunakan berkaitan dengan suatu aktiviti terhad.

(2) Seseorang yang melanggar subseksyen (1) melakukan suatu kesalahan dan hendaklah, apabila disabitkan—

- (a) jika kematian adalah hasil perbuatan itu, dihukum dengan hukuman mati atau pemenjaraan selama hayat, dan dalam hal suatu pertubuhan perbadanan, dihukum dengan denda minimum sebanyak tiga puluh juta ringgit; atau
- (b) dalam apa-apa hal lain, dihukum dengan pemenjaraan selama tempoh tidak kurang daripada sepuluh tahun atau dengan denda tidak kurang daripada sepuluh juta ringgit atau dengan kedua-duanya, dan dalam hal suatu pertubuhan perbadanan, dihukum dengan denda minimum sebanyak dua puluh juta ringgit.

### **Pembrokeran barang strategik**

**11.** (1) Tiada seorang pun boleh menjalankan perbuatan pembrokeran apa-apa barang strategik melainkan jika orang itu didaftarkan di bawah seksyen 19, dan jika dikehendaki di bawah undang-undang yang berkaitan, memegang permit sah bagi pembrokeran barang strategik sedemikian daripada Pihak Berkuasa yang berkenaan di bawah undang-undang yang berkaitan jika—

- (a) orang itu telah diberitahu oleh Pihak Berkuasa yang berkenaan itu atau pegawai diberi kuasa bahawa barang strategik sedemikian mungkin diniatkan atau berkemungkinan akan digunakan, secara keseluruhan atau sebahagiannya, bagi atau berkaitan dengan suatu aktiviti terhad;
- (b) orang itu tahu bahawa barang strategik sedemikian diniatkan untuk digunakan, secara keseluruhan atau sebahagiannya, bagi atau berkaitan dengan suatu aktiviti terhad; atau
- (c) orang itu mempunyai alasan munasabah untuk mengesyaki bahawa barang strategik sedemikian diniatkan atau berkemungkinan akan digunakan, suatu keseluruhan atau sebahagiannya, bagi atau berkaitan dengan suatu aktiviti terhad.

(2) Seseorang yang melanggar subseksyen (1) melakukan suatu kesalahan dan hendaklah, apabila disabitkan—

(a) berhubung dengan barang strategik yang merupakan senjata atau bahan yang berkaitan—

(i) jika kematian adalah hasil perbuatan itu, dihukum dengan hukuman mati atau pemenjaraan selama hayat, dan dalam hal suatu pertubuhan perbadanan, dihukum dengan denda minimum sebanyak tiga puluh juta ringgit; atau

(ii) dalam apa-apa hal lain, dihukum dengan pemenjaraan selama tempoh tidak kurang daripada sepuluh tahun atau dengan denda tidak kurang daripada sepuluh juta ringgit atau dengan kedua-duanya, dan dalam hal suatu pertubuhan perbadanan, dihukum dengan denda minimum sebanyak dua puluh juta ringgit; atau

(b) berhubung dengan barang strategik selain senjata atau bahan yang berkaitan, dihukum dengan pemenjaraan selama tempoh tidak kurang daripada lima tahun atau dengan denda tidak kurang daripada lima juta ringgit atau dengan kedua-duanya, dan dalam hal suatu pertubuhan perbadanan, dihukum dengan denda minimum sebanyak sepuluh juta ringgit.

(3) Dalam apa-apa prosiding bagi suatu kesalahan yang berkenaan dengan mana-mana barang strategik yang disebut dalam perenggan (1)(c), hendaklah menjadi suatu pembelaan bagi tertuduh untuk membuktikan bahawa dia telah membuat segala siasatn yang munasabah tentang kegunaan atau kegunaan yang dicadangkan bagi barang itu dan berpuas hati daripada siasatan sedemikian bahawa barang itu tidak akan digunakan bagi atau berkaitan dengan suatu aktiviti terhad.

### **Transaksi yang melibatkan barang tidak tersenarai dan aktiviti terhad**

**12.** (1) Jika seseorang dimaklumkan oleh Pihak Berkuasa yang berkenaan atau selainnya mengetahui atau mempunyai sebab untuk mempercayai bahawa apa-apa barang tidak tersenarai akan atau mungkin digunakan bagi suatu aktiviti terhad, maka orang itu hendaklah memberitahu Pihak Berkuasa yang berkenaan mengenai niatnya untuk mengeksport barang tidak tersenarai itu sekurang-kurangnya tiga puluh hari sebelum pengeksportan itu hendak dijalankan.

(2) Apabila diberitahu sedemikian, Pihak Berkuasa yang berkenaan hendaklah memutuskan sama ada untuk membenarkan pengeksporan itu diteruskan atau tidak.

(3) Pihak Berkuasa yang berkenaan boleh memutuskan untuk membenarkan pengeksporan itu diteruskan tertakluk kepada pemberian suatu permit di bawah Akta ini.

(4) Seseorang yang melanggar subseksyen (1) melakukan suatu kesalahan dan hendaklah, apabila disabitkan—

(a) berhubung dengan barang tidak tersenarai yang merupakan senjata atau bahan yang berkaitan—

(i) jika perbuatan itu dilakukan dengan niat untuk mengekspor, memindahkan atau membawa dalam transit barang tidak tersenarai itu tanpa permit dengan menyalahi undang-undang atau dengan pengetahuan bahawa pengeksporan, pemindahan atau pembawaan dalam transit barang tidak tersenarai itu tanpa permit menyalahi undang-undang—

(A) jika kematian adalah hasil perbuatan itu, dihukum dengan hukuman mati atau pemenjaraan selama hayat, dan dalam hal suatu pertubuhan perbadanan, dihukum dengan denda minimum sebanyak tiga puluh juta ringgit; atau

(B) dalam apa-apa hal lain, dihukum dengan pemenjaraan selama tempoh tidak kurang daripada sepuluh tahun atau dengan denda tidak kurang daripada sepuluh juta ringgit atau dengan kedua-duanya, dan dalam hal suatu pertubuhan perbadanan, dihukum dengan denda minimum sebanyak dua puluh juta ringgit; atau

(ii) jika perbuatan itu dilakukan tanpa niat untuk mengekspor, memindahkan atau membawa dalam transit barang tidak tersenarai itu tanpa permit dengan menyalahi undang-undang atau tanpa

pengetahuan bahawa pengeksportan, pemindahan atau pembawaan dalam transit barang tidak tersenarai itu tanpa permit menyalahi undang-undang, dihukum dengan pemenjaraan selama tempoh tidak kurang daripada lima tahun atau dengan denda tidak kurang daripada lima juta ringgit atau dengan kedua-duanya, dan dalam hal suatu pertubuhan perbadanan, dihukum dengan denda minimum sebanyak sepuluh juta ringgit; dan

(b) berhubung dengan barang tidak tersenarai selain senjata atau bahan yang berkaitan—

- (i) jika perbuatan itu dilakukan dengan niat untuk mengeksport, memindahkan atau membawa dalam transit barang tidak tersenarai itu tanpa permit dengan menyalahi undang-undang atau dengan pengetahuan bahawa pengeksportan, pemindahan atau pembawaan dalam transit barang tidak tersenarai itu tanpa permit menyalahi undang-undang, dihukum dengan pemenjaraan selama tempoh tidak kurang daripada sepuluh tahun atau dengan denda tidak kurang daripada sepuluh juta ringgit atau dengan kedua-duanya, dan dalam hal suatu pertubuhan perbadanan, dihukum dengan denda minimum sebanyak dua puluh juta ringgit; atau
- (ii) jika perbuatan itu dilakukan tanpa niat untuk mengeksport, memindahkan atau membawa dalam transit barang tidak tersenarai itu tanpa permit dengan menyalahi undang-undang atau tanpa pengetahuan bahawa pengeksportan, pemindahan atau pembawaan dalam transit barang tidak tersenarai itu tanpa permit menyalahi undang-undang, dihukum dengan pemenjaraan selama tempoh tidak kurang daripada lima tahun atau dengan denda tidak kurang daripada lima juta ringgit atau dengan kedua-duanya, dan dalam hal suatu pertubuhan perbadanan, dihukum dengan denda minimum sebanyak sepuluh juta ringgit.

BAHAGIAN IV

PERMIT DAN PENDAFTARAN

**Pemakaian Akta bagi permit dan pendaftaran**

**13.** Tanpa menjejaskan pemakaian am undang-undang yang berkaitan, bagi maksud barang strategik, barang tidak tersenarai dan aktiviti terhad yang dikawal selia di bawah Akta ini, Pihak Berkuasa yang berkenaan hendaklah menguruskan permit dan pendaftaran yang dikehendaki bagi barang strategik, barang tidak tersenarai dan aktiviti terhad sedemikian mengikut peruntukan Akta ini.

**Permohonan bagi permit**

**14.** (1) Suatu permohonan bagi permit atau permit khas yang disebut dalam seksyen 9 hendaklah dibuat kepada Pihak Berkuasa yang berkenaan mengikut peraturan-peraturan yang dibuat di bawah Akta ini.

(2) Tiap-tiap permohonan di bawah subseksyen (1) hendaklah disertakan dengan suatu pernyataan kegunaan akhir.

(3) Suatu permohonan di bawah seksyen ini boleh ditarik balik pada bila-bila masa sebelum ia dibenarkan atau ditolak.

**Dokumen atau maklumat tambahan**

**15.** (1) Pihak Berkuasa yang berkenaan boleh, pada bila-bila masa selepas menerima permohonan di bawah seksyen 14 dan sebelum permohonan itu ditentukan, melalui notis bertulis, menghendaki pemohon untuk mengemukakan apa-apa dokumen atau maklumat tambahan kepada Pihak Berkuasa yang berkenaan itu dalam tempoh yang dinyatakan dalam notis itu.

(2) Jika dokumen atau maklumat tambahan yang dikehendaki di bawah subseksyen (1) tidak dikemukakan oleh pemohon dalam tempoh yang dinyatakan dalam notis itu atau dalam apa-apa tempoh lanjutan yang diberikan oleh Pihak Berkuasa yang berkenaan itu, permohonan itu hendaklah disifatkan telah ditarik balik dan tidak diteruskan selanjutnya, tetapi tanpa menjejaskan hak pemohon itu untuk membuat suatu permohonan baru.

**Pemberian atau penolakan permit**

**16.** (1) Pihak Berkuasa yang berkenaan boleh, setelah menimbangkan permohonan bagi permit di bawah seksyen 14 dan apa-apa dokumen atau maklumat tambahan yang dikemukakan di bawah seksyen 15 dan setelah berpuas hati bahawa segala kehendak telah dipenuhi, memberikan permit itu atau menolak pemberian permit itu.

(2) Pihak Berkuasa yang berkenaan boleh mengenakan apa-apa syarat yang didapatinya patut semasa memberikan permit itu.

(3) Tiap-tiap permit yang diberikan di bawah subseksyen (1) hendaklah menyatakan tempoh permit itu.

(4) Syarat-syarat yang dikenakan di bawah permit itu boleh pada bila-bila masa diubah atau dipinda oleh Pihak Berkuasa yang berkenaan dengan syarat bahawa pemegang permit itu diberi peluang yang munasabah untuk didengar.

(5) Keputusan Pihak Berkuasa yang berkenaan di bawah seksyen ini hendaklah diberitahu kepada pemohon melalui notis bertulis secepat yang dapat dilaksanakan.

(6) Notis bertulis oleh Pihak Berkuasa yang berkenaan di bawah subseksyen (5) hendaklah menyatakan—

(a) dalam hal jika permit diberikan, hakikat pemberian itu dan syarat-syarat, jika ada, yang dikenakan di bawah subseksyen (2); dan

(b) dalam hal keengganan untuk memberikan permit, hakikat penolakan itu dan sebab bagi penolakan itu.

(7) Pihak Berkuasa yang berkenaan boleh membaharui semula mana-mana permit atas permohonan.

**Penggantungan dan pembatalan permit**

**17.** (1) Pihak Berkuasa yang berkenaan boleh, pada bila-bila masa, menggantung atau membatalkan suatu permit jika—

(a) pemegang permit tidak mematuhi mana-mana peruntukan Akta ini;

(b) pemegang permit tidak mematuhi mana-mana syarat yang dikenakan atas permit;



- (c) pemegang permit telah mendapatkan permit itu secara salah atau secara haram; atau
- (d) adalah perlu bagi kepentingan negara, keselamatan negara atau maksud ketidakkambahan,

dan hendaklah memberitahu pemegang permit itu dalam tempoh tiga puluh hari melalui notis bertulis bahawa permit itu telah digantung atau dibatalkan.

(2) Suatu penggantungan atau pembatalan di bawah subseksyen (1) hendaklah terus berkuat kuasa sehingga pemegang permit itu mengambil langkah-langkah untuk menyingkirkan sebab-sebab bagi penggantungan atau pembatalan itu dengan memuaskan Pihak Berkuasa yang berkenaan.

(3) Bagi maksud perenggan (1)(d), penentuan tentang maksud kepentingan negara dan keselamatan negara hendaklah dibuat oleh Menteri dan penentuan sedemikian hendaklah muktamad dan mengikat semua orang dan tidak boleh dicabar, dirayu, dikaji semula, dibatalkan atau dipersoalkan dalam mana-mana mahkamah.

### **Penggunaan permit tanpa kebenaran**

**18.** (1) Tiada seorang pun yang diberikan permit di bawah Akta ini boleh membenarkan permit itu digunakan oleh mana-mana orang lain.

(2) Seseorang yang melanggar subseksyen (1) melakukan suatu kesalahan dan hendaklah, apabila disabitkan, dihukum dengan pemenjaraan selama tempoh tidak kurang daripada tiga tahun atau dengan denda tidak kurang daripada tiga juta ringgit atau dengan kedua-duanya, dan dalam hal suatu pertubuhan perbadanan, dihukum dengan denda minimum sebanyak lima juta ringgit.

### **Pendaftaran broker**

**19.** (1) Suatu permohonan bagi pendaftaran untuk menjalankan pembrokeran barang strategik yang disebut dalam seksyen 11 hendaklah dibuat kepada Pihak Berkuasa yang berkenaan mengikut peraturan-peraturan yang dibuat di bawah Akta ini.

(2) Suatu permohonan di bawah seksyen ini boleh ditarik balik pada bila-bila masa sebelum permohonan itu dibenarkan atau ditolak.

(3) Pihak Berkuasa yang berkenaan boleh, pada bila-bila masa selepas menerima permohonan di bawah seksyen ini dan sebelum permohonan itu ditentukan, melalui notis bertulis, menghendaki pemohon untuk mengemukakan apa-apa dokumen atau maklumat tambahan kepada Pihak Berkuasa yang berkenaan itu dalam tempoh yang dinyatakan dalam notis itu.

(4) Jika dokumen atau maklumat tambahan yang dikehendaki di bawah subseksyen (3) tidak dikemukakan oleh pemohon dalam tempoh yang dinyatakan dalam notis itu atau dalam apa-apa tempoh lanjutan yang diberikan oleh Pihak Berkuasa yang berkenaan itu, permohonan itu hendaklah disifatkan telah ditarik balik dan tidak diteruskan selanjutnya, tetapi tanpa menjejaskan hak pemohon itu untuk membuat suatu permohonan baru.

(5) Pihak Berkuasa yang berkenaan boleh, setelah menimbangkan permohonan bagi pendaftaran itu dan apa-apa dokumen atau maklumat tambahan yang dikemukakan di bawah subseksyen (3) dan setelah berpuas hati bahawa segala kehendak telah dipenuhi, mendaftarkan pemohon atau menolak pendaftaran itu.

(6) Pendaftaran di bawah seksyen ini adalah sah selama tempoh satu tahun dan boleh dibaharui semula atas permohonan.

(7) Pihak Berkuasa yang berkenaan boleh mengenakan apa-apa syarat yang didapatinya patut semasa memberikan pendaftaran itu.

(8) Syarat-syarat yang dikenakan atas pendaftaran itu boleh pada bila-bila masa diubah atau dipinda oleh Pihak Berkuasa yang berkenaan dengan syarat bahawa broker berdaftar itu diberi peluang yang munasabah untuk didengar.

(9) Keputusan Pihak Berkuasa yang berkenaan di bawah seksyen ini hendaklah diberitahu kepada pemohon melalui notis bertulis secepat yang dapat dilaksanakan.

(10) Notis bertulis oleh Pihak Berkuasa yang berkenaan di bawah subseksyen (9) hendaklah menyatakan—

- (a) dalam hal jika pendaftaran diberikan, hakikat pendaftaran itu dan syarat-syarat, jika ada, yang dikenakan di bawah subseksyen (7); dan

(b) dalam hal penolakan pendaftaran, hakikat penolakan itu dan sebab bagi penolakan itu.

(11) Pihak Berkuasa yang berkenaan boleh, pada bila-bila masa, menggantung atau membatalkan suatu pendaftaran jika—

- (a) broker berdaftar itu tidak mematuhi mana-mana peruntukan Akta ini;
- (b) broker berdaftar itu tidak mematuhi mana-mana syarat yang dikenakan atas pendaftaran;
- (c) broker berdaftar itu telah mendapatkan pendaftaran itu secara salah atau secara haram; atau
- (d) adalah perlu bagi kepentingan negara, keselamatan negara atau maksud ketidakcambahan,

dan hendaklah memberitahu broker berdaftar itu dalam tempoh tiga puluh hari melalui notis bertulis bahawa pendaftaran itu telah digantung atau dibatalkan.

(12) Suatu penggantungan atau pembatalan di bawah subseksyen (11) hendaklah terus berkuat kuasa sehingga broker berdaftar itu telah mengambil langkah-langkah untuk menyingkirkan sebab-sebab bagi penggantungan atau pembatalan itu dengan memuaskan Pihak Berkuasa yang berkenaan.

(13) Bagi maksud perenggan (11) (d), penentuan tentang maksud kepentingan negara dan keselamatan negara hendaklah dibuat oleh Menteri dan penentuan sedemikian hendaklah muktamad dan mengikat atas semua orang dan tidak boleh dicabar, dirayu, dikaji semula, dibatalkan atau dipersoalkan dalam mana-mana mahkamah.

### **Hilang kelayakan kerana kesalahan**

**20.** Mana-mana mahkamah yang di hadapannya seseorang disabitkan atas apa-apa kesalahan di bawah Akta ini berkaitan dengan pengeksportan, pemindahan atau pembawaan dalam transit barang strategik atau barang tidak tersenarai atau pembrokeran barang strategik boleh memerintahkan supaya—

- (a) orang itu dihilangkan kelayakannya daripada memegang atau mendapatkan suatu permit di bawah Akta ini atau daripada didaftarkan sebagai seorang broker di bawah

Akta ini bagi seumur hidup atau selama tempoh yang didapati patut oleh mahkamah; dan

- (b) butir-butir mengenai sabitan itu dan apa-apa hilang kelayakan yang baginya orang yang disabitkan itu tertakluk hendaklah diberitahu kepada Pengawal dan hendaklah diendorskan pada mana-mana permit atau pendaftaran yang dipegang oleh pesalah itu:

Dengan syarat bahawa, jika didapati patut oleh mahkamah, apa-apa hilang kelayakan yang dikenakan di bawah seksyen ini boleh dihadkan kepada pengeksportan, pemindahan, pembawaan dalam transit atau pembrokeran barang strategik atau barang tidak tersenarai, mengikut mana-mana yang berkenaan, yang sama kelas atau perihalnya seperti barang strategik atau barang tidak tersenarai yang berkenaan dengannya kesalahan itu dilakukan.

### **Penggantungan permit atau pendaftaran apabila hilang kelayakan**

21. (1) Jika seseorang yang dihilangkan kelayakan menurut kuasa suatu sabitan atau perintah di bawah Akta ini ialah pemegang permit atau broker berdaftar, mengikut mana-mana yang berkenaan, maka permit atau pendaftaran itu hendaklah digantung selagi hilang kelayakan itu terus berkuat kuasa.

(2) Sesuatu permit atau pendaftaran yang digantung menurut kuasa seksyen ini tidak mempunyai kuat kuasa dalam tempoh penggantungan itu.

(3) Jika mana-mana orang yang dihilangkan kelayakan di bawah seksyen ini daripada memegang atau mendapatkan suatu permit memohon atau mendapatkan suatu permit semasa dia hilang kelayakan sedemikian, atau jika mana-mana orang itu semasa dia hilang kelayakan sedemikian, mengeksport, memindahkah atau membawa dalam transit apa-apa barang strategik atau barang tidak tersenarai atau, jika kehilangan kelayakan itu dihadkan kepada pengeksportan, pemindahan atau pembawaan dalam transit kelas atau perihalan tertentu barang strategik atau barang tidak tersenarai, mengeksport, memindahkah atau membawa dalam transit apa-apa barang strategik atau barang tidak tersenarai daripada kelas atau perihalan itu, maka orang itu melakukan suatu kesalahan dan hendaklah, apabila disabitkan, dihukum dengan pemenjaraan selama tempoh tidak kurang daripada sepuluh tahun atau dengan denda

tidak kurang daripada sepuluh juta ringgit atau dengan kedua-duanya, dan dalam hal suatu pertubuhan perbadanan, dihukum dengan denda minimum sebanyak dua puluh juta ringgit.

(4) Jika mana-mana orang yang dihilangkan kelayakan daripada memegang atau mendapatkan suatu pendaftaran sebagai broker di bawah seksyen ini memohon atau mendapatkan suatu pendaftaran semasa dia dihilangkan kelayakan sedemikian, atau jika mana-mana orang itu semasa dia dihilangkan kelayakan sedemikian, menjalankan apa-apa perbuatan pembrokeran apa-apa barang strategik atau, jika kehilangan kelayakan itu dihadkan kepada pembrokeran kelas atau perihalan barang strategik yang tertentu, menjalankan perbuatan pembrokeran apa-apa barang strategik daripada kelas atau perihalan itu, maka orang itu melakukan suatu kesalahan dan hendaklah, apabila disabitkan, dihukum dengan pemenjaraan selama tempoh tidak kurang daripada sepuluh tahun atau dengan denda tidak kurang daripada sepuluh juta ringgit atau dengan kedua-duanya, dan dalam hal suatu pertubuhan perbadanan, dihukum dengan denda minimum sebanyak dua puluh juta ringgit.

(5) Sesuatu permit atau pendaftaran yang didapatkan oleh orang yang hilang kelayakan seperti yang tersebut dahulu hendaklah tidak kuat kuasa.

### **Permohonan untuk menghapuskan hilang kelayakan**

**22.** (1) Seseorang yang menurut kuasa suatu sabitan atau perintah di bawah Akta ini dihilangkan kelayakan daripada memegang atau mendapatkan sesuatu permit atau pendaftaran boleh, pada bila-bila masa selepas habis tempoh tiga tahun dari tarikh sabitan atau perintah itu, dan dari semasa ke semasa (yang tidak kurang daripada tiga bulan dari tarikh permohonannya yang terakhir yang dibuat di bawah seksyen ini) memohon kepada mahkamah yang di hadapannya dia disabitkan atau yang membuat perintah itu bagi menghapuskan hilang kelayakan itu.

(2) Apabila suatu permohonan di bawah subseksyen (1) dibuat, mahkamah boleh, setelah mengambil kira watak pemohon, kelakuannya berikutan daripada sabitan atau perintah itu, jenis kesalahan dan apa-apa hal keadaan lain, sama ada dengan perintah menghapuskan hilang kelayakan itu dari tarikh yang dinyatakan oleh mahkamah dalam perintah itu atau menolak permohonan itu.

(3) Apabila suatu permohonan di bawah subseksyen (1) dibuat, mahkamah hendaklah mengambil kira apa-apa representasi yang dibuat oleh Pengawal atau mana-mana Pihak Berkuasa yang berkenaan.

### **Pengendorsan pada permit**

**23.** (1) Sesuatu perintah supaya butir-butir mengenai apa-apa sabitan atau mengenai apa-apa hilang kelayakan yang baginya orang yang disabitkan itu tertakluk diendorskan pada mana-mana permit atau pendaftaran yang dipegang oleh pesalah itu hendaklah, sama ada pesalah itu pada masa itu adalah pemegang suatu permit atau pendaftaran atau tidak, berkuat kuasa sebagai suatu perintah bahawa apa-apa permit atau pendaftaran yang boleh dipegang olehnya pada masa itu atau yang boleh didapati kemudian hendaklah diendorskan sedemikian sehingga dia berhak di bawah seksyen ini untuk memiliki suatu permit atau pendaftaran yang dikeluarkan kepadanya yang bebas daripada apa-apa pengendorsan.

(2) Jika mana-mana orang yang permit atau pendaftarannya telah diperintahkan supaya diendorskan memohon bagi suatu permit atau pendaftaran tanpa memberikan butir-butir mengenai perintah itu, maka orang itu melakukan suatu kesalahan dan hendaklah, apabila disabitkan, dihukum dengan denda tidak melebihi satu juta ringgit atau dengan pemenjaraan selama tempoh tidak melebihi dua tahun atau dengan kedua-duanya, dan dalam hal suatu pertubuhan perbadanan, dihukum dengan denda minimum sebanyak dua juta ringgit, dan apa-apa permit atau pendaftaran yang didapatkan sedemikian hendaklah tidak mempunyai kuat kuasa.

(3) Jika sesuatu mahkamah memerintahkan supaya butir-butir diendorskan pada permit atau pendaftaran yang dipegang oleh mana-mana orang, atau jika, melalui suatu sabitan atau perintah mahkamah, seseorang itu dihilangkan kelayakan daripada memegang atau mendapatkan suatu permit atau pendaftaran, mahkamah hendaklah menghantar notis mengenai sabitan atau perintah itu kepada Pengawal dan memerintahkan orang itu untuk menyerahkan permit atau pendaftaran itu kepada Pengawal bagi pengendorsan yang sewajarnya.

(4) Jika menurut suatu notis mahkamah yang disebut dalam subseksyen (3), butir-butir yang dikehendaki diendorskan pada permit atau pendaftaran itu dimasukkan dalam daftar yang disenggarakan oleh Pengawal di bawah Akta ini, pengendorsan itu hendaklah disifatkan telah dilaksanakan.

**Penyenggaraan dokumen dan daftar**

**24.** (1) Seseorang yang diberikan permit atau didaftarkan sebagai broker di bawah Akta ini hendaklah berhubung dengan barang strategik atau aktiviti terhad—

- (a) menyenggarakan suatu daftar dalam bentuk yang ditetapkan; dan
- (b) menyimpan segala dokumen bagi apa-apa tempoh yang ditetapkan.

(2) Daftar itu hendaklah—

- (a) disimpan semata-mata bagi maksud mencatatkan rekod dan maklumat yang ditetapkan;
- (b) sentiasa dikemaskinikan dan disimpan secara teratur dan dalam keadaan baik; dan
- (c) disimpan bagi apa-apa tempoh yang ditetapkan.

(3) Orang yang disebut dalam subseksyen (1) hendaklah menyediakan daftar untuk pemeriksaan sebagaimana dan apabila dikehendaki oleh pegawai diberi kuasa.

(4) Seseorang yang melanggar subseksyen (1), (2) atau (3) melakukan suatu kesalahan dan hendaklah, apabila disabitkan, dihukum dengan denda tidak melebihi satu juta ringgit atau dengan pemenjaraan selama tempoh tidak melebihi dua tahun atau dengan kedua-duanya, dan dalam hal suatu pertubuhan perbadanan, dihukum dengan denda minimum sebanyak dua juta ringgit.

**Daftar**

**25.** (1) Pengawal hendaklah menyimpan dan menyenggarakan daftar pemegang permit dan broker berdaftar.

(2) Daftar itu hendaklah tersedia bagi pemeriksaan oleh orang awam tertakluk kepada apa-apa syarat yang didapati patut oleh Pengawal.

(3) Suatu salinan atau cabutan mana-mana catatan dalam daftar yang diperakui dengan sewajarnya oleh Pengawal hendaklah diberikan kepada mana-mana orang yang menghendaki salinan atau cabutan itu atas bayaran fi yang ditetapkan.

(4) Daftar hendaklah menjadi keterangan muktamad sekiranya apa-apa persoalan berbangkit tentang sama ada mana-mana orang memegang permit sah atau didaftarkan sebagai broker di bawah Akta ini.

## BAHAGIAN V

### PENGUATKUASAAN

#### **Pemakaian Akta bagi penguatkuasaan**

**26.** Tanpa menjejaskan keluasan seksyen 3 dan pemakaian undang-undang yang berkaitan, bagi maksud barang strategik, barang tidak tersenarai dan aktiviti terhad yang dikawal selia di bawah Akta ini, kuasa penguatkuasaan yang diperuntukkan di bawah Bahagian ini hendaklah tersedia bagi pegawai diberi kuasa.

#### **Pengemukaan kad kuasa**

**27.** Tiap-tiap pegawai diberi kuasa hendaklah mengisytiharkan jawatannya dan apabila diminta mengemukakan kad kuasanya kepada orang yang terhadapnya dia bertindak.

#### **Kuasa pegawai diberi kuasa**

**28.** (1) Tanpa menjejaskan kuasa pegawai diberi kuasa di bawah mana-mana undang-undang bertulis lain, termasuk undang-undang yang berkaitan, pegawai diberi kuasa hendaklah mempunyai kuasa yang berikut bagi maksud menguatkuasakan Akta ini:

- (a) menerima dan menimbangkan apa-apa laporan tentang berlakunya sesuatu kesalahan di bawah Akta ini;
- (b) memberhentikan, memasuki, menaiki, memeriksa dan menggeledah mana-mana tempat, premis, struktur atau pengangkutan dan untuk menahan mana-mana pengangkutan;
- (c) memanggil kembali mana-mana pengangkutan yang telah meninggalkan mana-mana pelabuhan atau tempat di Malaysia dan menahan pengangkutan itu;
- (d) melaksanakan hak kejar buru;



- (e) menuntut pengemukaan apa-apa permit, rekod, perakuan atau dokumen lain dan memeriksa, membuat salinan atau mengambil cabutan daripada permit, rekod, perakuan atau dokumen lain itu;
- (f) menyiasat apa-apa kesalahan di bawah Akta ini;
- (g) memeriksa dan menyita apa-apa barang strategik atau barang tidak tersenarai berserta dengan apa-apa bekas, bungkusan, pengangkutan atau benda lain yang didalamnya barang strategik atau barang tidak tersenarai itu distorkan, disimpan atau dijumpai, rekod, buku, akaun, dokumen atau data berkomputer yang berhubungan dengan apa-apa kesalahan di bawah Akta ini;
- (h) menangkap mana-mana orang yang pegawai diberi kuasa itu mempunyai sebab untuk mempercayai telah melakukan atau sedang mencuba untuk melakukan sesuatu kesalahan di bawah Akta ini; dan
- (i) menyingkirkan mana-mana pengangkutan yang pegawai diberi kuasa itu mempunyai sebab untuk mempercayai terlibat dalam aktiviti terhad atau bertindak bertentangan dengan kepentingan negara atau keselamatan negara.

(2) Walau apa pun subseksyen (1), tiada pengangkutan boleh diberhentikan, dimasuki, dinaiki, digeledah, diperiksa atau ditahan di dalam kawasan laut wilayah jika laluan pengangkutan itu di dalam laut wilayah merupakan laluan ikhlas.

(3) Bagi maksud subseksyen (2), laluan sesuatu pengangkutan merupakan laluan ikhlas jika dan selagi laluan pengangkutan itu tidak memudaratkan keamanan, ketenteraman atau keselamatan Negara Malaysia.

(4) Walau apa pun mana-mana undang-undang bertulis, bagi maksud subseksyen (3), aktiviti yang berikut hendaklah dianggap memudaratkan keamanan, ketenteraman dan keselamatan negara:

- (a) apa-apa ancaman atau penggunaan kekerasan terhadap kedaulatan, keutuhan wilayah atau kebebasan politik Malaysia atau apa-apa perbuatan yang dengan apa-apa cara merupakan pelanggaran prinsip undang-undang antarabangsa;

- (b) apa-apa penggunaan atau latihan dengan apa-apa jenis senjata;
- (c) apa-apa perbuatan yang bertujuan untuk mengumpul maklumat yang memudaratkan keselamatan negara atau pertahanan Malaysia;
- (d) apa-apa perbuatan propaganda yang bertujuan untuk menjejaskan keamanan, keselamatan negara atau pertahanan Malaysia;
- (e) pelancaran, pendaratan atau pengambilan naik mana-mana pesawat udara;
- (f) pelancaran, pendaratan atau pengambilan naik mana-mana peranti tentera;
- (g) pemuatan atau pemunggahan apa-apa komoditi, mata wang atau orang yang bertentangan dengan undang-undang kastam, kewangan, imigresen atau kesihatan Malaysia;
- (h) apa-apa perbuatan pencemaran;
- (i) apa-apa aktiviti menangkap ikan;
- (j) perjalanan aktiviti penyelidikan atau tinjauan tanpa kebenaran;
- (k) apa-apa perbuatan yang bertujuan untuk mengganggu apa-apa sistem komunikasi atau apa-apa kemudahan atau pemasangan lain di Malaysia; dan
- (l) apa-apa aktiviti lain yang tiada kaitan secara langsung dengan laluan.

### **Kuasa penyiasatan**

**29.** (1) Seseorang pegawai diberi kuasa hendaklah mempunyai segala kuasa yang perlu untuk menjalankan pemeriksaan dan untuk menyiasat pelakuan mana-mana kesalahan di bawah Akta ini.

(2) Tanpa menjejaskan keluasan subseksyen (1), bagi maksud penyiasatan apa-apa kesalahan di bawah Akta ini, seseorang pegawai diberi kuasa hendaklah mempunyai segala kuasa yang boleh dijalankan oleh pegawai diberi kuasa itu di bawah mana-mana undang-undang bertulis dan Kanun Tatacara Jenayah [*Akta 593*].

**Pengeledahan dan penyitaan tanpa waran**

**30.** Bagi maksud Akta ini, jika seseorang pegawai diberi kuasa mempunyai alasan munasabah untuk mempercayai bahawa oleh sebab kelengahan dalam mendapatkan waran geledah penyiasatan akan terjejas atau keterangan mengenai pelakuan kesalahan itu mungkin diganggu, dialihkan, dirosakkan atau dimusnahkan, pegawai diberi kuasa itu boleh, tanpa waran, memasuki mana-mana tempat, premis atau pengangkutan dan menyita apa-apa barang strategik atau barang tidak tersenarai, atau apa-apa bekas, bungkusan, pengangkutan atau benda lain yang di dalamnya barang strategik atau barang tidak tersenarai itu distorkan, disimpan atau dijumpai, rekod, buku, akaun, dokumen atau data berkomputer.

**Akses ke tempat atau premis**

**31.** (1) Seseorang pegawai diberi kuasa hendaklah pada setiap masa mempunyai akses ke mana-mana tempat atau premis bagi maksud Akta ini.

(2) Jika mana-mana pegawai diberi kuasa memasuki mana-mana tempat atau premis mengikut peruntukan seksyen ini, maka—

- (a) dia boleh menghendaki mana-mana orang di dalamnya untuk mengemukakan apa-apa buku, akaun atau dokumen lain, termasuk data berkomputer, atau rekod lain sama ada dalam format cetakan atau elektronik, atau barang yang dikehendaki disimpan oleh orang itu di bawah peruntukan Akta ini;
- (b) dia boleh memeriksa apa-apa buku, akaun atau dokumen lain, termasuk data berkomputer, atau rekod lain, sama ada dalam format cetakan atau elektronik, kemudahan, peralatan, kelengkapan, peranti atau barang dan membuat salinan atau mengambil cabutan daripada apa-apa buku, akaun dokumen atau rekod itu;
- (c) dia boleh menyita dan menahan apa-apa buku, akaun atau dokumen lain, termasuk data berkomputer, atau rekod lain sama ada dalam format cetakan atau elektronik, kemudahan, peralatan, kelengkapan, peranti atau barang yang mengandungi atau yang dengan munasabahnya disyaki mengandungi maklumat tentang apa-apa kesalahan yang disyaki telah dilakukan di bawah Akta ini;

- (d) dia boleh menghendaki mana-mana orang di dalamnya atau pekerjanya untuk menjawab soalan yang berhubungan dengan —
- (i) apa-apa buku, data, dokumen atau rekod lain, atau barang;
  - (ii) apa-apa catatan dalam apa-apa buku, data, dokumen atau rekod lain; atau
  - (iii) apa-apa barang;
- (e) dia boleh menghendaki mana-mana bekas, sampul surat atau wadah lain di dalam mana-mana tempat atau premis itu dibuka;
- (f) dia boleh pada risiko dan perbelanjaan mana-mana orang di dalamnya membuka dan memeriksa apa-apa bungkusan, atau apa-apa barang atau bahan, didalam mana-mana tempat atau premis itu.

(3) Jika, oleh sebab jenis, saiz atau amaunnya, adalah tidak praktik untuk memindahkan apa-apa barang, buku, akaun atau dokumen lain, termasuk data berkomputer, atau rekod lain, sama ada dalam format cetakan atau elektronik, yang disita di bawah seksyen ini, pegawai yang menyita itu hendaklah, dengan apa-apa cara, megelak barang, buku, akaun atau dokumen lain, termasuk data berkomputer, atau rekod lain itu di dalam tempat atau premis atau bekas yang di dalamnya ia dijumpai.

(4) Jika pegawai diberi kuasa yang bertindak di bawah peruntukan Akta ini tidak mendapat akses bebas ke dalam mana-mana tempat atau premis atau bagi apa-apa bekas di dalam tempat atau premis itu, dia boleh, pada bila-bila masa, memasuki tempat atau premis itu dan membuka bekas itu mengikut apa-apa cara, jika perlu dengan kekerasan, sebagaimana yang difikirkannya perlu.

(5) Jika, apabila kemasukan ke dalam mana-mana tempat atau premis di bawah peruntukan Akta ini dibuat, apa-apa barang strategik atau barang tidak tersenarai dijumpai yang berhubungan dengannya apa-apa kesalahan telah dilakukan, maka barang strategik atau barang tidak tersenarai itu boleh dilucuthakkan.

**Capaian kepada data berkomputer**

**32.** (1) Seseorang pegawai diberi kuasa yang menjalankan penggeledahan di bawah Akta ini hendaklah diberi capaian kepada data berkomputer sama ada yang disimpan dalam suatu komputer atau selainnya.

(2) Dalam seksyen ini, “capaian” termasuklah diberikan dengan kata laluan, kod penyulitan, kod penyahsulitan, perisian atau perkakasan yang perlu dan apa-apa cara lain yang dikehendaki bagi membolehkan pemahaman data berkomputer itu.

**Kuasa menggeledah pengangkutan**

**33.** (1) Seseorang pegawai diberi kuasa boleh—

- (a) menaiki mana-mana pengangkutan;
- (b) menghendaki nakhoda kapal, juruterbang pesawat udara atau orang yang mengawal mana-mana pengangkutan lain untuk memberikan apa-apa maklumat yang berhubungan dengan pengangkutan, kargo, stor, anak kapal, penumpang atau perjalanan itu yang didapatinya perlu;
- (c) menggeledah semua bahagian pengangkutan itu bagi barang strategik;
- (d) memeriksa segala barang atas pengangkutan itu dan segala barang yang sedang dimuatkan atau diturunkan;
- (e) meminta segala dokumen yang sepatutnya ada atas pengangkutan itu; dan
- (f) menghendaki segala atau apa-apa dokumen sedemikian dibawa kepadanya untuk diperiksa,

dan nakhoda kapal, juruterbang pesawat udara atau orang yang mengawal mana-mana pengangkutan lain yang enggan membenarkan pegawai diberi kuasa itu menaiki atau menggeledah pengangkutan itu, atau enggan memberikan apa-apa maklumat atau mengemukakan apa-apa dokumen apabila diminta melakukan suatu kesalahan dan hendaklah, apabila disabitkan, dihukum dengan pemenjaraan selama tempoh tidak kurang daripada tiga tahun atau dengan denda tidak kurang daripada satu juta ringgit atau dengan kedua-duanya.

(2) Jika mana-mana tempat, kotak atau peti di atas pengangkutan itu dikunci dan kuncinya tidak diserahkan, pegawai diberi kuasa boleh memecahkan mana-mana tempat, kotak atau peti itu.

(3) Jika apa-apa barang dijumpai tersembunyi di atas mana-mana pengangkutan, barang itu hendaklah disifatkan sebagai barang strategik.

### **Penggunaan kekerasan**

**34.** Jika kekerasan dikehendaki untuk masuk ke mana-mana tempat, premis atau pengangkutan, pegawai diberi kuasa yang melaksanakan kuasa di bawah Akta ini boleh menggunakan apa-apa kekerasan yang munasabah mengikut hal keadaan.

### **Senarai barang yang disita**

**35.** Jika apa-apa barang strategik atau barang tidak tersenarai, dan apa-apa bekas, bungkusan, pengangkutan atau benda lain yang didalamnya barang strategik atau barang tidak tersenarai itu distorkan, disimpan atau dijumpai, rekod, buku, akaun, dokumen atau data berkomputer disita, pegawai diberi kuasa yang menyita barang itu hendaklah menyediakan senarai barang yang disita dan dengan serta-merta menghantarserahkan suatu salinan senarai itu yang ditandatangani kepada pemunya atau orang yang menjaga tempat, premis atau pengangkutan yang digeledah itu, atau kepada ejen atau pkhidmat pemunya atau orang itu, di tempat, premis atau pengangkutan itu.

### **Kuasa penangkapan**

**36.** Seseorang pegawai diberi kuasa boleh menangkap tanpa waran mana-mana orang yang dipercayainya dengan munasabah telah melakukan atau sedang mencuba untuk melakukan suatu kesalahan di bawah Akta ini.

### **Pemintasan komunikasi**

**37.** (1) Walau apa pun peruntukan mana-mana undang-undang bertulis yang lain, Pendakwa Raya boleh, jika dia berpendapat bahawa apa-apa maklumat yang berkaitan dengan maksud

mana-mana penyiasatan mengenai suatu kesalahan di bawah Akta ini yang berhubungan dengan barang strategik, barang tidak tersenarai atau aktiviti terhad berkemungkinan terkandung di dalamnya, atas permohonan seorang pegawai diberi kuasa, memberi kuasa mana-mana pegawai diberi kuasa—

- (a) untuk memintas, menahan dan membuka apa-apa barang pos yang dalam penghantaran melalui pos; atau
- (b) untuk memintas, mendengar dan merekodkan apa-apa komunikasi yang dihantar atau diterima melalui mana-mana komunikasi.

(2) Apabila mana-mana orang didakwa atas suatu kesalahan di bawah Akta ini yang berhubungan dengan barang strategik, barang tidak tersenarai atau aktiviti terhad, apa-apa maklumat yang diperoleh oleh seorang pegawai diberi kuasa menurut subseksyen (1), sama ada sebelum atau selepas orang itu didakwa, boleh diterima sebagai keterangan semasa perbicaraannya.

(3) Pemberikuasaan oleh Pendakwa Raya di bawah subseksyen (1) boleh diberikan sama ada secara lisan atau bertulis; tetapi jika suatu pemberikuasaan lisan diberikan, Pendakwa Raya hendaklah, secepat yang dapat dilaksanakan, mengubah pemberikuasaan itu ke dalam bentuk bertulis.

(4) Suatu perakuan oleh Pendakwa Raya yang menyatakan bahawa tindakan yang diambil oleh seorang pegawai diberi kuasa menurut subseksyen (1) telah diberi kuasa oleh Pendakwa Raya di bawah subseksyen itu hendaklah menjadi keterangan muktamad bahawa tindakan itu telah diberi kuasa sedemikian dan perakuan itu boleh diterima sebagai keterangan tanpa bukti tandatangan Pendakwa Raya.

(5) Tiada seorang pun boleh tertakluk kepada apa-apa kewajipan, obligasi atau liabiliti, atau dengan apa-apa cara dipaksa untuk mendedahkan dalam mana-mana prosiding tatacara, kaedah, aturan atau cara, atau apa-apa perkara yang berkaitan dengannya, mengenai apa-apa jua yang dilakukan di bawah subseksyen (1).

(6) Bagi maksud seksyen ini, “barang pos” mempunyai erti yang sama yang diberikan kepadanya dalam Akta Perkhidmatan Pos 1991 [*Akta 465*].

**Kuasa untuk menghendaki kehadiran orang yang mengetahui mengenai kes**

**38.** (1) Seseorang pegawai diberi kuasa yang menjalankan suatu penyiasatan di bawah Akta ini boleh melalui perintah secara bertulis menghendaki supaya hadir di hadapannya seseorang yang pada hemat pegawai diberi kuasa itu mengetahui tentang hal keadaan kes itu, dan orang itu hendaklah hadir sebagaimana yang dikehendaki sedemikian.

(2) Jika orang itu tidak hadir sebagaimana yang dikehendaki, pegawai diberi kuasa itu boleh melaporkan ketidakhadiran itu kepada seorang Majistret yang hendaklah mengeluarkan suatu waran untuk memastikan kehadiran orang itu.

**Pemeriksaan orang yang mengetahui mengenai kes**

**39.** (1) Seseorang pegawai diberi kuasa yang menjalankan suatu penyiasatan di bawah Akta ini boleh memeriksa secara lisan seseorang yang dijangka mengetahui fakta dan hal keadaan kes itu.

(2) Orang itu hendaklah semasa pemeriksaan itu, menzahirkan segala maklumat yang dalam pengetahuannya, atau yang ada padanya, berkenaan dengan perkara yang berhubungan dengannya dia diperiksa, dan menjawab apa-apa soalan yang diajukan kepadanya dengan sebenar dan setakat pengetahuan dan kepercayaannya yang terbaik, dan tidak boleh enggan menjawab apa-apa soalan atas alasan bahawa ia berkecenderungan membabitkannya.

(3) Sesuatu pernyataan yang dibuat oleh seseorang di bawah seksyen ini hendaklah, bilamana mungkin, diubah ke dalam bentuk bertulis dan ditandatangani oleh orang yang membuatnya atau ditandakan dengan cap ibu jarinya, mengikut mana-mana yang berkenaan, selepas pernyataan itu dibacakan kepadanya dalam bahasa yang pernyataan itu dibuat olehnya dan selepas dia diberi peluang untuk membuat apa-apa pembetulan yang diinginkannya.

**Kesalahan berkenaan dengan maklumat**

**40.** (1) Seseorang yang mengemukakan maklumat palsu atau mengelirukan dalam apa-apa permohonan, laporan atau dokumen lain bagi apa-apa maksud di bawah Akta ini atau undang-undang yang berkaitan melakukan suatu kesalahan dan hendaklah, apabila



disabitkan, dihukum dengan denda tidak melebihi satu juta ringgit atau dengan pemenjaraan selama tempoh tidak melebihi dua tahun atau dengan kedua-duanya, dan dalam hal suatu pertubuhan perbadanan, dihukum dengan denda minimum sebanyak dua juta ringgit.

(2) Seseorang yang—

- (a) memberikan atau menyebabkan diberikan kepada pegawai diberi kuasa apa-apa butiran, maklumat atau pernyataan palsu atau mengelirukan berkenaan dengan apa-apa perkara yang pegawai itu menghendaki diberikan di bawah Akta ini atau undang-undang yang berkaitan;
- (b) enggan menjawab atau memberikan jawapan palsu kepada mana-mana soalan yang diajukan kepadanya oleh pegawai diberi kuasa bagi maksud mendapatkan apa-apa butiran, maklumat atau pernyataan yang dikehendaki untuk diberikan di bawah Akta ini atau undang-undang yang berkaitan; atau
- (c) tidak atau enggan mengemukakan apa-apa dokumen yang dikehendaki oleh pegawai diberi kuasa,

melakukan suatu kesalahan dan hendaklah, apabila disabitkan, dihukum dengan denda tidak melebihi satu juta ringgit atau dengan pemenjaraan selama tempoh tidak melebihi dua tahun atau dengan kedua-duanya, dan dalam hal suatu pertubuhan perbadanan, dihukum dengan denda minimum sebanyak dua juta ringgit.

### **Pelupusan barang strategik dan barang tidak tersenarai yang disita**

**41.** Pengawal hendaklah setelah berunding dengan Pendakwa Raya, pada bila-bila masa yang didapatinya patut, memerintahkan pelupusan barang strategik atau barang tidak tersenarai berserta apa-apa bekas, bungkusan, pengangkutan atau benda lain yang di dalamnya barang strategik atau barang tidak tersenarai itu distorkan, disimpan atau dijumpai, rekod, buku, akaun, dokumen atau data berkomputer disita tertakluk kepada pematuhan tatacara yang berikut:

- (a) suatu inventori yang menyatakan perihalan, tanda-tanda dan butiran lain yang dengan jelas mengenal pasti barang yang disita telah disediakan oleh pegawai diberi kuasa;

- (b) gambar barang yang disita telah diambil dengan kehadiran pegawai diberi kuasa, dan pegawai diberi kuasa itu telah memperakui bahawa gambar itu adalah benar; dan
- (c) salinan apa-apa rekod, akaun, dokumen atau data berkomputer yang disita diperakui dengan sewajarnya oleh pegawai diberi kuasa.

### **Kebolehterimaan keterangan**

**42.** Walau apa pun mana-mana undang-undang bertulis lain, pelupusan apa-apa barang di bawah seksyen 41 tidak boleh menjejaskan perbicaraan mana-mana orang di bawah Akta ini dengan syarat bahawa pelupusan barang itu telah dilakukan mengikut seksyen itu dan mahkamah hendaklah menerima inventori, gambar dan salinan barang yang disita yang dibuat, mengikut mana-mana yang berkenaan, sebagai mewakili barang yang disita.

### **Pelucuthakan barang strategik dan barang tidak tersenarai apabila tiada pendakwaan**

**43.** (1) Jika tiada pendakwaan atau sabitan berkenaan dengan apa-apa barang strategik atau barang tidak tersenarai beserta apa-apa bekas, bungkusan, pengangkutan atau benda lain yang di dalamnya barang strategik atau barang tidak tersenarai itu distorkan, disimpan atau dijumpai, rekod, buku, akaun, dokumen atau data berkomputer yang disita pada menjalankan mana-mana kuasa yang diberikan di bawah Akta ini, barang itu hendaklah dipegang bagi tempoh satu bulan kalendar dari tarikh penyitaan dan di akhir tempoh itu hendaklah disifatkan telah dilucuthakkan, melainkan jika suatu tuntutan secara bertulis baginya diterima dalam tempoh itu.

(2) Seseorang yang menegaskan bahawa dialah pemunya mana-mana barang strategik, barang tidak tersenarai, bekas, bungkusan, pengangkutan, benda, rekod, buku, akaun, dokumen atau data berkomputer yang disita di bawah Akta ini dan bahawa barang strategik, barang tidak tersenarai, bekas, bungkusan, pengangkutan, benda, rekod, buku, akaun, dokumen atau data berkomputer itu tidak boleh dilucuthakkan boleh dengan sendiri atau melalui ejennya yang diberi kuasa secara bertulis olehnya, memberikan notis bertulis kepada pegawai diberi kuasa yang membuat penyitaan itu mengenai tuntutannya.

(3) Apabila suatu notis di bawah subsekyen (2) diterima, pegawai diberi kuasa hendaklah merujuk perkara itu kepada Mahkamah Sesyen untuk diputuskan.

(4) Mahkamah yang kepadanya perkara itu dirujuk hendaklah mengeluarkan suatu saman yang menghendaki orang yang menegaskan bahawa dialah pemunya barang strategik, barang tidak tersenarai, bekas, bungkusan, pengangkutan, benda, rekod, buku, akaun, dokumen atau data berkomputer itu dan orang yang daripadanya ia disita untuk hadir di hadapan mahkamah dan apabila mereka hadir atau tidak hadir, setelah penyampaian wajar saman dibuktikan, mahkamah hendaklah terus memeriksa perkara itu, dan apabila dibuktikan bahawa suatu kesalahan di bawah Akta ini telah dilakukan dan bahawa barang strategik, barang tidak tersenarai, bekas, bungkusan, pengangkutan, benda, rekod, buku, akaun, dokumen atau data berkomputer itu merupakan hal perkara atau telah digunakan dalam pelakuan kesalahan itu, hendaklah memerintahkan supaya barang strategik, barang tidak tersenarai, bekas, bungkusan, pengangkutan, benda, rekod, buku, akaun, dokumen atau data berkomputer itu dilucuthakkan atau boleh, jika tiada bukti sedemikian, memerintahkan pelepasan barang strategik, barang tidak tersenarai, bekas, bungkusan, pengangkutan, benda, rekod, buku, akaun, dokumen atau data berkomputer itu kepada orang yang berhak kepadanya.

### **Kos memegang barang strategik dan barang tidak tersenarai yang disita**

**44.** Jika apa-apa barang strategik atau barang tidak tersenarai, atau apa-apa bekas, bungkusan, pengangkutan, atau benda lain yang di dalamnya barang strategik atau barang tidak tersenarai itu distorkan, disimpan atau dijumpai, rekod, buku, akaun, dokumen atau data berkomputer yang disita di bawah Akta ini dipegang dalam jagaan Kerajaan sementara menunggu penyelesaian apa-apa prosiding berkenaan dengan sesuatu kesalahan di bawah Akta ini, kos untuk memegang barang strategik, barang tidak tersenarai, bekas, bungkusan, pengangkutan, benda, rekod, buku, akaun, dokumen atau data berkomputer itu dalam jagaan hendaklah, sekiranya mana-mana orang didapati bersalah atas suatu kesalahan, menjadi hutang yang kena dibayar kepada Kerajaan oleh orang itu dan boleh didapatkan semula dengan sewajarnya.

**Tiada kos atau ganti rugi yang berbangkit daripada penyitaan boleh didapatkan**

**45.** Tiada seorang pun boleh, dalam mana-mana prosiding di hadapan mana-mana mahkamah berkenaan dengan mana-mana barang strategik atau barang tidak tersenarai, atau apa-apa bekas, bungkusan, pengangkutan, atau benda lain yang di dalamnya barang strategik atau barang tidak tersenarai itu distorkan, disimpan atau dijumpai, rekod, buku, akaun, dokumen atau data berkomputer yang disita pada menjalankan atau yang berupa sebagai menjalankan mana-mana kuasa yang diberikan di bawah Akta ini, berhak kepada kos prosiding sedemikian atau kepada apa-apa ganti rugi atau relief lain melainkan jika penyitaan itu dibuat tanpa sebab munasabah.

**Halangan pegawai diberi kuasa**

**46.** (1) Tiada seorang pun boleh menghalang, menggalang atau mengganggu pegawai diberi kuasa dalam pelaksanaan fungsinya di bawah Akta ini.

(2) Seseorang yang melanggar subseksyen (1) melakukan suatu kesalahan dan hendaklah, apabila disabitkan, dihukum dengan denda tidak melebihi lima juta ringgit atau dengan pemenjaraan selama tempoh tidak melebihi lima tahun atau dengan kedua-duanya.

**BAHAGIAN VI****AM****Pengecualian**

**47.** Menteri boleh, melalui peraturan-peraturan, mengecualikan —

- (a) mana-mana orang atau kelas orang; atau
- (b) mana-mana aktiviti berkenaan dengan mana-mana barang daripada jenis atau perihal yang ditetapkan,

daripada mana-mana peruntukan Akta ini, tertakluk kepada apa-apa syarat yang ditetapkan.

**Pemulaan pendakwaan**

**48.** Tiada pendakwaan bagi atau berhubungan dengan mana-mana kesalahan di bawah Akta ini berhubungan dengan barang strategik, barang tidak tersenarai atau aktiviti terhad boleh dimulakan kecuali oleh atau dengan keizinan secara bertulis Pendakwa Raya.

**Kesalahan oleh pertubuhan perbadanan**

**49.** Jika suatu kesalahan terhadap mana-mana peruntukan Akta ini telah dilakukan oleh suatu pertubuhan perbadanan, mana-mana orang yang pada masa pelakuan kesalahan itu ialah seorang pengarah, pengurus, setiausaha atau pegawai lain yang seumpamanya bagi pertubuhan perbadanan itu atau yang berupa bertindak atas mana-mana sifat sedemikian, atau yang mengikut apa-apa cara atau sehingga apa-apa takat bertanggungjawab bagi pengurusan apa-apa hal-ehwal pertubuhan perbadanan itu, atau yang membantu dalam pengurusan sedemikian, hendaklah disifatkan melakukan kesalahan itu melainkan jika dia membuktikan bahawa kesalahan itu telah dilakukan tanpa pengetahuannya, persetujuannya atau pembiarannya dan bahawa dia telah menjalankan segala usaha yang wajar untuk mengelakkan pelakuan kesalahan itu sebagaimana yang dia patut jalankan, dengan mengambil kira jenis fungsinya atas sifat itu dan segala hal keadaan.

**Kesalahan oleh pekerja atau ejen**

**50.** Jika mana-mana orang di bawah Akta ini boleh dikenakan apa-apa hukuman atau penalti bagi apa-apa perbuatan, peninggalan, pengabaian atau keingkaran, orang itu boleh dikenakan hukuman atau penalti yang sama bagi tiap-tiap perbuatan, peninggalan, pengabaian atau keingkaran mana-mana pekerja atau ejennya atau pekerja ejen itu, jika perbuatan, peninggalan, pengabaian atau keingkaran itu telah dilakukan oleh pekerja orang itu dalam masa penggajiannya, atau oleh ejen itu semasa bertindak bagi pihak orang itu, atau oleh pekerja ejen itu dalam masa penggajian pekerja itu dengan ejen itu atau selainnya bagi pihak ejen itu.

**Notis bagi penzahiran maklumat**

**51.** (1) Pengawal atau Pihak Berkuasa yang berkenaan boleh menghantar notis kepada mana-mana orang yang Pengawal atau Pihak Berkuasa yang berkenaan mempercayai atas alasan munasabah mempunyai maklumat atau dokumen yang relevan dengan penguatkuasaan Akta ini berhubungan dengan barang strategik, barang tidak tersenarai atau aktiviti terhad, untuk meminta orang itu mengemukakan maklumat atau dokumen itu kepada Pengawal atau Pihak Berkuasa yang berkenaan.

(2) Seseorang yang menerima suatu notis yang disebut dalam subseksyen (1) hendaklah mengemukakan maklumat dan dokumen yang diminta kepada Pengawal atau Pihak Berkuasa yang berkenaan dalam bentuk yang ditetapkan dan dalam masa yang dinyatakan dalam notis itu.

(3) Seseorang yang melanggar subseksyen (2) melakukan suatu kesalahan dan hendaklah, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi satu juta ringgit atau pemenjaraan selama tempoh tidak melebihi dua tahun atau kedua-duanya.

**Maklumat dilindungi dan sulit**

**52.** (1) Apa-apa maklumat dan dokumen yang diperoleh menurut Akta ini atau menurut kuasa Akta ini berhubungan dengan barang strategik, barang tidak tersenarai atau aktiviti terhad dilindungi dan sulit.

(2) Walau apa pun subseksyen (1), maklumat dan dokumen yang disebut dalam subseksyen (1) tidak dilindungi atau sulit jika maklumat dan dokumen itu dikehendaki untuk dizahirkan atau diberitahu bagi maksud kepentingan negara, keselamatan negara atau di bawah mana-mana undang-undang bertulis.

(3) Tiada seorang pun yang memegang maklumat atau dokumen dilindungi atau sulit boleh dengan pengetahuan, tanpa persetujuan secara bertulis orang yang daripadanya maklumat atau dokumen itu diperoleh, memberitahunya atau membenarkannya diberitahu kepada mana-mana orang, atau membenarkan mana-mana orang mempunyai akses kepadanya, kecuali bagi maksud penguatkuasaan Akta ini.

(4) Walau apa pun mana-mana undang-undang bertulis lain, tiada seorang pun boleh dikehendaki, berkaitan dengan mana-mana prosiding undang-undang, untuk mengemukakan apa-apa pernyataan atau rekod lain yang mengandungi maklumat atau dokumen yang dilindungi atau sulit, atau untuk memberi keterangan berhubungan dengannya, melainkan jika prosiding itu berhubung dengan penguatkuasaan Akta ini.

### **Perlindungan pegawai**

**53.** Tiada tindakan atau pendakwaan boleh dibawa, dimulakan atau disenggarakan dalam mana-mana mahkamah terhadap Pengawal, Pihak Berkuasa yang berkenaan atau pegawai diberi kuasa bagi atau atas sebab atau berkenaan dengan mana-mana tindakan yang diarahkan atau dilakukan bagi maksud melaksanakan Akta ini jika perbuatan itu dilakukan dengan suci hati dan dengan kepercayaan munasabah bahawa ia perlu bagi tujuan yang dimaksudkan yang hendak dicapai olehnya.

### **Perlindungan Kerajaan, dsb. daripada liabiliti**

**54.** (1) Kerajaan, Pengawal atau Pihak Berkuasa yang berkenaan, mengikut mana-mana yang berkenaan, tidak dikehendaki menanggung apa-apa kerugian yang ditanggung berkenaan dengan apa-apa barang strategik atau barang tidak tersenarai disebabkan kebakaran, kecurian, kerosakan atau apa-apa sebab lain semasa barang strategik atau barang tidak tersenarai itu berada dalam mana-mana gudang kastam atau dalam jagaan atau kawalan sah pegawai diberi kuasa melainkan jika kerugian itu disebabkan oleh keabaiannya yang disengajakan, atau kegagalan pegawai diberi kuasa.

(2) Tiada seorang pun pegawai diberi kuasa boleh dikehendaki menanggung apa-apa kerugian yang ditanggung berkenaan dengan apa-apa barang strategik atau barang tidak tersenarai disebabkan kebakaran, kecurian, kerosakan atau apa-apa sebab lain semasa barang strategik atau barang tidak tersenarai itu berada dalam mana-mana gudang kastam atau dalam jagaan atau kawalan sah pegawai diberi kuasa itu melainkan jika kerugian itu disebabkan oleh keabaiannya yang disengajakan, atau kegagalan pegawai diberi kuasa itu.

**Peraturan-peraturan**

**55.** (1) Menteri boleh membuat peraturan-peraturan yang perlu atau suai manfaat untuk memberikan kuat kuasa penuh peruntukan Akta ini.

(2) Tanpa menjejaskan keluasan subseksyen (1), peraturan-peraturan boleh dibuat—

- (a) untuk menetapkan apa-apa borang bagi maksud Akta ini;
- (b) untuk menetapkan apa-apa maklumat untuk dikemukakan bagi maksud Akta ini;
- (c) untuk menetapkan prosedur bagi pengeluaran permit di bawah Akta ini, termasuk pewujudan kelas permit berlainan bagi kelas barang strategik berlainan;
- (d) untuk menetapkan prosedur bagi pendaftaran broker di bawah Akta ini, termasuk pewujudan kelas broker berlainan bagi kelas barang strategik berlainan;
- (e) untuk menetapkan bentuk pernyataan pengguna akhir;
- (f) untuk menetapkan fi yang kena dibayar di bawah Akta ini dan cara untuk memungut dan menguruskan fi tersebut;
- (g) untuk menetapkan bentuk daftar yang dikehendaki disimpan dan disenggarakan oleh pemegang permit dan broker berdaftar, termasuk butir-butir yang dikehendaki direkodkan dalam daftar;
- (h) untuk mengadakan peruntukan bagi apa-apa perkara, termasuk perkara penguatkuasaan, yang di bawah Akta ini dikehendaki atau dibenarkan untuk ditetapkan atau yang perlu atau suai manfaat untuk ditetapkan.

(3) Peraturan-peraturan yang dibuat di bawah seksyen ini atau mana-mana perundangan subsidiari lain yang dibuat di bawah Akta ini boleh menetapkan bagi apa-apa perbuatan atau peninggalan yang melanggar dengan peraturan-peraturan atau perundangan subsidiari menjadi suatu kesalahan dan boleh menetapkan penalti denda tidak melebihi satu juta ringgit atau pemenjaraan selama tempoh tidak melebihi lima tahun atau kedua-duanya.



## **Pindaan Jadual**

**56.** Menteri boleh, melalui perintah yang disiarkan dalam *Warta*, meminda Jadual.

## **Kecualian dan peralihan**

**57.** (1) Seseorang yang terlibat dalam apa-apa aktiviti yang berhubungan dengan barang strategik atau dalam apa-apa aktiviti terhad sebelum sahaja permulaan kuat kuasa Akta ini dan yang berniat untuk meneruskan aktiviti tersebut pada dan selepas permulaan kuat kuasa itu hendaklah, tidak lewat daripada tiga bulan dari tarikh permulaan kuat kuasa Akta ini, memohon kepada Pengawal atau Pihak Berkuasa yang berkenaan bagi permit atau pendaftaran, mengikut mana-mana yang dikehendaki, di bawah Akta ini.

(2) Sementara menunggu keputusan Pengawal atau Pihak Berkuasa yang berkenaan atas permohonan di bawah subseksyen (1), pemohon hendaklah disifatkan sebagai diberi kuasa secara sementara untuk meneruskan aktivitinya di bawah Akta ini bagi tempoh tiga bulan dari tarikh permulaan kuat kuasa Akta ini dan tiada tindakan boleh diambil terhadapnya kerana terlibat dalam aktiviti tersebut tanpa permit atau pendaftaran semasa tempoh tersebut.

(3) Walau apa pun subseksyen (2), seseorang yang diberi kuasa di bawah seksyen ini hendaklah bagi maksud Akta ini mematuhi kehendak, kewajipan dan obligasi seseorang pemegang permit atau broker berdaftar.

(4) Jika suatu permit dikeluarkan di bawah seksyen 16 atau pendaftaran diberikan di bawah seksyen 19 oleh Pengawal atau Pihak Berkuasa yang berkenaan, pemohon hendaklah dengan segera mengambil tindakan yang perlu untuk mematuhi apa-apa syarat yang dikenakan atas permit atau pendaftaran itu, mengikut mana-mana yang dikehendaki.

(5) Jika permit atau pendaftaran ditolak oleh Pengawal atau Pihak Berkuasa yang berkenaan, pemohon hendaklah terhenti sebagai disifatkan diberi kuasa di bawah subseksyen (2) dari tarikh dia dimaklumkan mengenai keputusan Pengawal atau Pihak Berkuasa yang berkenaan.

## JADUAL

[Seksyen 2]

## UNDANG-UNDANG BERKAITAN

Undang-undang bertulis yang berhubungan dengan pengawalseliaan barang strategik, barang tidak tersenarai dan aktiviti terhad adalah seperti yang berikut:

1. Akta Binatang 1953 [*Akta 647*]
2. Akta Perlesenan Tenaga Atom 1984 [*Akta 304*]
3. Akta Konvensyen Senjata Kimia 2005 [*Akta 641*]
4. Akta Kastam Act 1967 [*Akta 235*]
5. Akta Racun Makhluk Perosak 1974 [*Akta 149*]
6. Akta Kuarantin Tumbuhan 1976 [*Akta 167*]
7. Akta Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit 1988 [*Akta 342*]
8. Akta Perlindungan Varieti Tumbuhan Baru 2004 [*Akta 634*]

---

**HURAIAN**

Rang Undang-Undang ini mengadakan peruntukan mengenai kawalan ke atas eksport, pemindahan, transit dan pembrokeran barang strategik, termasuk senjata dan bahan yang berkaitan, dan aktiviti lain yang akan atau boleh memudahkan reka bentuk, pemajuan dan penghasilan senjata pemusnah besar-besaran dan sistem penghantarannya dan bagi perkara lain yang berkaitan dengannya, selaras dengan keselamatan negara dan obligasi antarabangsa Malaysia.

**BAHAGIAN I**

2. Bahagian I Rang Undang-Undang mengandungi perkara permulaan.

*Fasal 1* mengandungi tajuk ringkas dan kuasa Menteri untuk menetapkan tarikh permulaan kuat kuasa Akta yang dicadangkan.

*Fasal 2* mengandungi takrif ungkapan tertentu yang digunakan dalam Akta yang dicadangkan.

*Fasal 3* mengadakan peruntukan bahawa Akta yang dicadangkan hendaklah dibaca bersama undang-undang bertulis lain dan dianggap sebagai tambahan kepada, dan tidak mengurangkan, undang-undang bertulis lain, termasuk undang-undang yang berkaitan. Walau bagaimanapun, sekiranya terdapat

percanggahan atau ketidakselarasan antara peruntukan Akta yang dicadangkan dengan peruntukan mana-mana undang-undang bertulis lain, peruntukan Akta yang dicadangkan hendaklah terpakai setakat percanggahan atau ketidakselarasan itu.

*Fasal 4* mengadakan peruntukan mengenai pemakaian luar wilayah Akta yang dicadangkan.

## BAHAGIAN II

3. Bahagian II Rang Undang-Undang mengadakan peruntukan mengenai pelantikan dan kuasa Pengawal Perdagangan Strategik.

*Fasal 5* mengadakan peruntukan mengenai pelantikan Pengawal Perdagangan Strategik dan seorang Timbalan Pengawal Perdagangan Strategik dari kalangan pegawai awam serta pegawai lain untuk membantu Pengawal dalam melaksanakan Akta yang dicadangkan.

*Fasal 6* memperuntukkan mengenai fungsi dan kuasa Pengawal.

## BAHAGIAN III

4. Bahagian III Rang Undang-Undang memperkatakan kawalan barang strategik, barang tidak tersenarai dan aktiviti terhad.

*Fasal 7* bertujuan untuk memberi Menteri kuasa untuk menetapkan apa-apa barang sebagai barang strategik bagi maksud Akta yang dicadangkan sementara *fasal 8* bertujuan memberi Menteri kuasa untuk menetapkan pengguna akhir terhad yang memerlukan permit khas dan pengguna akhir dilarang yang eksport, pemindahan atau transit barang strategik atau barang tidak tersenarai kepadanya dilarang.

*Fasal 9* bertujuan untuk melarang eksport, pemindahan or pembawaan dalam transit barang strategik dan barang tidak tersenarai kecuali sebagaimana yang diperuntukkan di bawah Akta yang dicadangkan. Berdasarkan keseriusan akibat penyalahgunaan barang strategik dan barang tidak tersenarai bagi maksud aktiviti terhad, hukuman setimpal dicadangkan bagi setiap kesalahan di bawah Akta yang dicadangkan.

*Fasal 10* bertujuan untuk melarang mana-mana orang daripada menyediakan bantuan teknikal di dalam atau di luar Malaysia jika bantuan teknikal itu bertujuan untuk digunakan berkaitan dengan suatu aktiviti terhad.

*Fasal 11* bertujuan untuk melarang mana-mana orang daripada menjalankan perbuatan pembrokeran mana-mana barang strategik melainkan jika orang itu didaftarkan di bawah Akta yang dicadangkan dan memegang permit sah bagi pembrokeran barang strategik tersebut daripada Pihak Berkuasa yang berkenaan di bawah undang-undang yang berkaitan.

*Fasal 12* bertujuan untuk menghendaki seseorang yang berurusan dengan barang tidak tersenarai untuk memaklumkan Pihak Berkuasa yang berkenaan tentang niatnya untuk mengeksport barang tersebut sekurang-kurangnya tiga

puluh hari sebelum eksport itu dilaksanakan jika dia diberitahu oleh Pihak Berkuasa yang berkenaan atau selainnya tahu atau mempunyai sebab untuk mempercayai bahawa barang tidak tersenarai itu akan atau mungkin digunakan bagi suatu aktiviti terhad. Pengeksportan barang tidak tersenarai sedemikian tertakluk kepada kelulusan Pihak Berkuasa yang berkenaan.

#### BAHAGIAN IV

5. Bahagian IV Rang Undang-Undang memperkatakan permit dan pendaftaran yang dikehendaki di bawah Akta yang dicadangkan.

*Fasal 13* menjelaskan hubungan operasi Akta yang dicadangkan dengan regim kawal selia sedia ada ke atas barang strategik dan mengadakan peruntukan bahawa bagi maksud barang strategik, barang tidak tersenarai dan aktiviti terhad yang dikawal selia di bawah Akta yang dicadangkan, Pihak Berkuasa yang berkenaan hendaklah menguruskan permit dan pendaftaran yang dikehendaki bagi barang strategik, barang tidak tersenarai dan aktiviti terhad tersebut mengikut peruntukan Akta yang dicadangkan.

*Fasal 14* mengadakan peruntukan bagi permohonan permit kepada Pihak Berkuasa yang berkenaan. Permohonan hendaklah disertai dengan, antara lain, pernyataan pengguna akhir untuk mengesahkan destinasi dan penggunaan yang diniatkan bagi barang strategik tersebut.

*Fasal 16* memperkatakan pemberian atau penolakan permit sementara *fasal 17* memperkatakan penggantungan dan pembatalannya.

*Fasal 18* melarang penggunaan tanpa kebenaran permit.

*Fasal 19* memperkatakan pendaftaran broker barang strategik.

*Fasal 20* hingga *23* memperkatakan kehilangan kelayakan untuk memegang atau mendapatkan permit di bawah Akta yang dicadangkan atau untuk didaftarkan sebagai broker di bawah Akta yang dicadangkan serta penggantungan permit atau pendaftaran atas sabitan bagi kesalahan di bawah Akta yang dicadangkan. Semasa tempoh kehilangan kelayakan atau penggantungan, permit atau pendaftaran itu adalah tidak berkuat kuasa.

*Fasal 24* menghendaki pemegang permit dan broker berdaftar untuk menyenggarakan daftar dalam bentuk yang ditetapkan dan untuk menyimpan dokumen bagi tempoh yang ditetapkan.

*Fasal 25* menghendaki Pengawal untuk menyimpan dan menyenggarakan daftar pemegang permit dan broker berdaftar yang hendaklah tersedia bagi pemeriksaan awam. Daftar tersebut adalah keterangan muktamad sekiranya sebarang persoalan berbangkit tentang sama ada mana-mana orang memegang permit yang sah atau merupakan broker berdaftar di bawah Akta yang dicadangkan.

## BAHAGIAN V

6. Bahagian V Rang Undang-Undang mengandungi peruntukan berhubung dengan penguatkuasaan Akta yang dicadangkan.

*Fasal 26* menjelaskan hubungan operasi kuasa penguatkuasaan pegawai diberi kuasa di bawah Akta yang dicadangkan dan kuasa sedia ada mereka di bawah undang-undang bertulis lain. Bagi maksud barang strategik, barang tidak tersenarai dan aktiviti terhad yang dikawal selia di bawah Akta yang dicadangkan, kuasa penguatkuasaan yang diperuntukkan di bawah Bahagian V hendaklah tersedia bagi pegawai diberi kuasa.

*Fasal 27* menghendaki tiap-tiap pegawai diberi kuasa untuk mengisytiharkan jawatannya dan menunjukkan kad kuasanya apabila dikehendaki.

*Fasal 28* memperuntukkan secara am bagi kuasa pegawai diberi kuasa di bawah Akta yang dicadangkan.

*Fasal 29* bertujuan memberikan kuasa penyiasatan kepada pegawai diberi kuasa. Pegawai diberi kuasa juga diberi kuasa untuk menjalankan penggeledahan dan penyitaan tanpa waran di bawah *fasal 30*.

*Fasal 31* bertujuan untuk memberi kuasa pegawai diberi kuasa untuk masuk ke mana-mana tempat atau premis bagi maksud menjalankan penyiasatan di bawah Akta yang dicadangkan sementara *fasal 32* bertujuan untuk membolehkan pegawai diberi kuasa diberi capaian kepada data berkomputer.

*Fasal 33* bertujuan untuk memberi kuasa pegawai diberi kuasa untuk menggeledah pengangkutan.

*Fasal 34* mengadakan peruntukan mengenai penggunaan kekerasan munasabah oleh pegawai diberi kuasa dalam melaksanakan kuasanya di bawah Akta yang dicadangkan.

*Fasal 35* bertujuan untuk mengenakan kewajipan atas pegawai diberi kuasa untuk menyediakan senarai barang yang disita.

*Fasal 36* memberi kuasa pegawai diberi kuasa untuk menangkap tanpa waran mana-mana orang yang didapati melakukan atau cuba melakukan kesalahan di bawah Akta yang dicadangkan.

*Fasal 37* mengadakan peruntukan mengenai pemintasan komunikasi oleh pegawai diberi kuasa atas pemberian kuasa Pendakwa Raya.

*Fasal 38* bertujuan untuk memberi kuasa pegawai diberi kuasa untuk menghendaki kehadiran seseorang yang mengetahui tentang kes sementara *fasal 39* memperuntukkan mengenai pemeriksaan orang tersebut.

*Fasal 40* bertujuan untuk menjadikan pengemukaan maklumat palsu atau mengelirukan dalam permohonan, laporan atau dokumen lain bagi mana-mana maksud di bawah Akta yang dicadangkan atau undang-undang berkaitan suatu kesalahan.

*Fasal 41* bertujuan untuk memberi Pengawal kuasa setelah berunding dengan Pendakwa Raya, pada bila-bila masa yang didapatinya sesuai, untuk memerintahkan pelupusan apa-apa barang strategik atau barang tidak tersenarai beserta dengan apa-apa bekas, bungkusan, pengangkutan atau artikel lain yang dalamnya barang strategik atau barang tidak tersenarai itu distorkan, disimpan atau dijumpai, rekod, buku, akaun, dokumen atau data berkomputer yang disita di bawah Akta yang dicadangkan setelah langkah-langkah sewajarnya diambil tentang inventori dan pengesahan keterangan.

*Fasal 42* memperuntukkan bahawa pelupusan barang di bawah *fasal 41* tidak menjejaskan perbicaraan mana-mana orang di bawah Akta yang dicadangkan dan mahkamah hendaklah menerima inventori, gambar dan keterangan lain tentang barang yang disita sebagai mewakili barang yang disita.

*Fasal 43* bertujuan untuk memberi kuasa pelucuthakan barang yang disita jika tidak ada pendakwaan atau sabitan.

*Fasal 44* bertujuan untuk memperuntukkan bahawa kos memegang apa-apa barang strategik atau barang tidak tersenarai dan apa-apa bekas, bungkusan, pengangkutan atau artikel lain, rekod, buku, akaun, dokumen atau data berkomputer yang berkaitan yang disita di bawah Akta yang dicadangkan boleh didapatkan sebagai hutang yang kena dibayar kepada Kerajaan oleh orang yang daripadanya ia disita.

*Fasal 45* bertujuan untuk memperuntukkan bahawa tiada kos atau ganti rugi yang berbangkit daripada penyitaan apa-apa barang strategik atau barang tidak tersenarai dan apa-apa bekas, bungkusan, pengangkutan atau artikel lain, rekod, buku, akaun, dokumen atau data berkomputer yang berkaitan pada menjalankan mana-mana kuasa di bawah Akta yang dicadangkan boleh didapatkan melainkan jika penyitaan itu dibuat tanpa sebab yang munasabah.

*Fasal 46* bertujuan untuk menjadikan halangan pegawai diberi kuasa dalam melaksanakan fungsinya di bawah Akta yang dicadangkan suatu kesalahan.

## BAHAGIAN VI

7. Bahagian VI Rang Undang-Undang mengandungi peruntukan am.

*Fasal 47* memberi Menteri kuasa untuk memberikan pengecualian.

*Fasal 48* memperuntukkan bahawa tiada pendakwaan bagi atau berhubungan dengan mana-mana kesalahan di bawah Akta yang dicadangkan berhubungan dengan barang strategik, barang tidak tersenarai atau aktiviti terhad boleh dimulakan kecuali oleh atau dengan keizinan secara bertulis Pendakwa Raya.

*Fasal 49* dan *50* memperkatakan kesalahan yang dilakukan oleh pertubuhan perbadanan dan liabiliti bagi perbuatan pekerja atau ejen masing-masing.

*Fasal 51* bertujuan untuk memberi Pengawal atau Pihak Berkuasa yang berkenaan kuasa untuk meminta apa-apa maklumat atau dokumen untuk diberikan kepada Pengawal atau Pihak Berkuasa yang berkenaan jika terdapat sebab untuk mempercayai bahawa maklumat atau dokumen itu relevan kepada penguatkuasaan Akta yang dicadangkan.

*Fasal 52* bertujuan untuk mengenakan kewajipan ke atas seseorang kewajipan untuk melindungi kerahsiaan maklumat dan dokumen yang diperolehi menurut Akta yang dicadangkan.

*Fasal 53* bertujuan untuk mengadakan peruntukan mengenai perlindungan Pengawal, Pihak Berkuasa yang berkenaan dan pegawai diberi kuasa dalam menjalankan kewajipan mereka di bawah Akta yang dicadangkan daripada pemulaan prosiding undang-undang.

*Fasal 54* bertujuan untuk memperuntukkan mengenai perlindungan Kerajaan, Pengawal, Pihak Berkuasa yang berkenaan dan pegawai diberi kuasa daripada liabiliti berhubung dengan apa-apa kerugian yang ditanggung berkenaan dengan apa-apa barang strategik atau barang tidak tersenarai semasa barang strategik atau barang tidak tersenarai itu berada di bawah jagaan atau kawalan sah mereka di bawah Akta yang dicadangkan.

*Fasal 55* bertujuan untuk memberi Menteri kuasa untuk membuat peraturan-peraturan.

*Fasal 56* bertujuan untuk memberi Menteri kuasa melalui perintah yang disiarkan dalam *Warta* untuk meminda Jadual.

*Fasal 57* bertujuan untuk memperuntukkan perkiraan kecualian dan peralihan bagi aktiviti sedia ada berhubung dengan barang strategik dan aktiviti terhadap.

#### *IMPLIKASI KEWANGAN*

Rang Undang-Undang ini akan melibatkan Kerajaan dalam perbelanjaan wang tambahan yang amaunnya belum dapat ditentukan sekarang.

[PN(U<sup>2</sup>) 2522/I]